



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 6083]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1982**

**Jawatankuasa (Hari Keempat)—**

**Jadual:**

**Maksud B. 23 [Ruangan 6118]**

**Maksud B. 24 [Ruangan 6125]**

**Maksud B. 25 [Ruangan 6172]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1982**

**Jawatankuasa (Hari Keempat)—**

**Maksud P. 23 [Ruangan 6118]**

**Maksud P. 24 [Ruangan 6125]**

**Maksud P. 25 [Ruangan 6172]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,  
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.  
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota  
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.  
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang  
Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang  
Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu  
Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan  
Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer  
Hitam).

- Yang Berhormat TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD, BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).

- Yang Berhormat TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 17hb November, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

BUKU LUCAH DI SEKOLAH-SEKOLAH

1. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada penyiasatan dibuat berhubung dengan dakwaan adanya buku-buku lucah yang dijual di sekolah-sekolah. Apakah hasil daripada penyiasatan ini dan apakah tindakan yang diambil.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah membuat penyiasatan ke atas beberapa buah negeri mengenai dakwaan adanya buku-buku lucah dijual di sekolah-sekolah. Penyiasatan itu menunjukkan bahawa buku-buku lucah tidak ada dijual di sekolah-sekolah.

Apa yang sebenarnya berlaku ialah ada beberapa kes murid-murid ditangkap oleh pihak sekolah kerana membawa dan menunjukkan gambar-gambar lucah kepada rakan-rakannya. Gambar-gambar lucah itu dibeli di luar sekolah dan tidak ada bukti menunjukkan bahawa murid-murid yang terlibat itu mempunyai tujuan hendak menjual gambar-gambar lucah kepada rakan-rakannya. Tindakan disiplin akan diambil terhadap murid-murid yang ditangkap kerana membawa dan menunjukkan gambar-gambar lucah kepada rakan-rakannya.

Kementerian saya sentiasa memandang berat tentang unsur-unsur yang boleh meruntuhkan akhlak pelajar-pelajar di sekolah dan arahan supaya sekolah-sekolah mengadakan pengawasan yang lebih rapi sudahpun dibuat.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang mana terdapat juga penuntut-penuntut dari negara kita yang balik bercuti atau tamat pengajian mereka dari luar negeri membawa balik bersama buku-buku lucah diselitkan dalam buku-buku pelajarannya. Adakah pihak Kementerian bercadang membuat pemeriksaan yang rapi sebelum mereka balik atau bekerjasama dengan pihak Kastam dan Polis di lapangan terbang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan asal ini anak-anak sekolah di sini, bukannya yang datang dari luar negeri. Itu lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat ada kata bahawa ada penyiasatan mengenai murid-murid yang didapati dengan buku-buku lucah di sekolah. Semuanya berapa kes macam ini yang dilaporkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada angkanya bolehlah jawab.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa penyiasatan juga telah dibuat sama ada beliau dapat menerangkan kepada Dewan ini kalangan mana yang terlibat iaitu dari

tingkatan mana, peringkat umur mereka yang terlibat dalam kes yang telah disiasat oleh Kementerian Pelajaran itu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, dalam siasatan itu ialah murid-murid di peringkat sekolah menengah yang melakukan perkara ini.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan memang terdapat adanya buku-buku lucah ini sampai di kalangan murid-murid. Saya ingin mendapat penjelasan dari kalangan murid tadi dalam penyasatannya murid manakah yang sukakan buku-buku lucah ini, sama ada murid lelaki atau perempuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah selesai penyiasatan itu nanti. Betul, Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju begitu.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri buku lucah yang dijumpai itu adakah sesuku lucah, setengah lucah atau lucah sepenuhnya—degree lucahnya itu.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan buku-buku lucah, gambar-gambar lucah. Jadi, lucah meaningnya lucahlah (*Ketawa*).

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Buku-buku lucah dan gambar-gambar lucah ini bolehkah saya dapat tahu di mana punca buku-buku dan gambar-gambar lucah yang ada dalam negeri ini, dari negeri asingkah atau dalam negeri ini juga puncanya.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, dalam siasatan itu murid-murid tidak memberi maklumat dari mana mereka dapat gambar-gambar lucah itu. Kes-kes macam ini tentulah siasatan selanjutnya akan dapat diadakan terhadap perkara ini. Oleh kerana perkara gambar-gambar lucah inipun barangkali sebahagian daripada negara-negara barat.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Buku-buku yang kita dapati kadang-kadang lucah kepada kanak-kanak dan tidak lucah kepada orang dewasa. Jadi, adakah Kementerian Pelajaran

telah mengambil satu cara untuk memastikan bahawa buku-buku yang dikatakan lucah kepada kanak-kanak dan tidak lucah kepada orang-orang dewasa ini supaya menjamin tidak sampai kepada tangan kanak-kanak sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak kata buku-buku lucah, gambar-gambar lucah. Barangkali dapat cicir di rumah.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya fikir Kementerian yang boleh membuat ukuran ini barangkali Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang pandai membuat ukuran (*Ketawa*).

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Baru-baru ini sahaja dalam negeri Johor ada murid-murid masuk ke rumah tumpangan ataupun hotel di mana empat kes ada dilaporkan di Keluang. Adakah buku-buku lucah ini influence murid-murid ini dan murid-murid pergi ke hotel-hotel.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini merupakan pertanyaan opinion dan tidak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat 23 (1) (c) dan 23 (1) (h).

**Tuan Fung Ket Wing:** (*Dengan izin*) I would like to ask the Deputy Education Minister what form of punishment would be taken against those students who possess or are found to possess obscene literature.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun tidak payah dijawab, nanti sampai sudah dapat hasil siasatan. Ada hendak jawab Yang Berhormat?

**Dato' Chan Siang Sun:** Dengan izin, Mr Speaker, about . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Izin apa? Sabar dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak dia tidak boleh ditahan bercakap bahasa Inggeris selagi tidak dipinda Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1952 (National Language Act, 1952). Sebab itu saya benarkan dia. Saya pun tidak boleh tegah . . . . .

**Dato' Chan Siang Sun:** Maaflah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi Yang Berhormat, saya boleh tegah.

**Dato' Chan Siang Sun:** Pardon? (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab dalam Bahasa Malaysia (*Ketawa*).

**Dato' Chan Siang Sun:** Berkenaan dengan perkara ini, ini bergantunglah kepada kadar (degree) perkara ini berlaku atau yang dicommitkan oleh seseorang murid. Jikalau kelakuan itu tidak berapa berat barangkali kita akan berikan corporal punishment kepada murid. Jikalau lebih berat sedikit barangkali kita akan menanggukkan murid-murid itu kepada suatu masa untuk datang ke sekolah dan kalau sangat berat barangkali murid itu dapat disingkirkan dari sekolah.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada pegawai-pegawai pergi melawat keluar negeri dan bila mereka balik mereka beli pen-pen lucah dan kalau sedar bolehkah Kementerian yang berkenaan suruh pihak Kastam periksa pen-pen lucah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kena mengenanya dengan sekolah ini dengan pegawai datang dari luar negeri? Duduk!

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah Kementerian Pelajaran bercadang mahu membuat satu peraturan yang mana peraturan itu dikuatkuasakan dengan serta-merta supaya murid-murid sekolah diberitahu secara rasmi apakah perkara-perkara yang tertentu sahaja yang boleh dibawa oleh mereka datang ke sekolah dan perkara-perkara yang dilarang dibawa ke sekolah termasuk gambar-gambar lucah dan buku-buku lucah termasuk dalam peraturan yang dilarang dibawa ke sekolah. Baru ini, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana gambar-gambar atau buku-buku ini lucah, jadi tengok pun sudah tahu lucahlah (*Ketawa*).

Barangkali dalam garis panduan ataupun peraturan atau arahan yang telah diberi oleh Kementerian Pelajaran memang sudah mendalamlah untuk mengertinya. Jadi, ini kita sudah sebarkan kepada sekolah-sekolah

dan arahan yang tegas pun sudah dikeluarkan. Saya fikir sudah cukuplah pada masa sekarang.

## BUKU LUCAH—PENGEDARAN

2. **Tuan Haji Hashim bin Haji Endut** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh mana kejayaan dicapai oleh Kementerian untuk mengesan pendedaran buku-buku lucah dalam usaha menghapuskannya dijual di pasaran gelap yang semakin menjadi-jadi kebelakangan ini. Adakah gerakan yang dibuat oleh Kementerian dalam bulan Julai 1981 itu berjaya. Berapa banyak orang terlibat dengan kegiatan itu dan berapa banyak pula yang ditangkap.

14. (23-11-81) **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan setakat ini jumlah kilang-kilang cetak dan kedai-kedai buku yang dapat dikesan mencetak dan menjual bahan-bahan lucah. Apakah tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang dan pekedai-pekedai ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab dua soalan sekali mengenai perkara yang sama yang telah dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 23hb November, 1981.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan, penjualan dan pendedaran buku-buku lucah di negara ini adalah dilarang dan diharamkan. Kementerian ini dengan kerjasama polis, Jabatan Pos, Imigeresen dan Kastam mengawasi kemasukan buku-buku dan bahan-bahan lucah ke negara ini. Kementerian ini juga dengan kerjasama polis bertindak segera menyekat, menahan buku-buku lucah yang diedarkan di dalam negara ini serta merampas buku-buku ini jika ada yang dijual di kedai-kedai.

Semenjak awal tahun ini, gerakan pemeriksaan mengejut ke kedai-kedai telah dilancarkan di seluruh negara kita dan pihak polis berjaya merampas sebanyak 7,440 buah buku di dalam berbagai bahasa yang didapati mengandungi unsur-unsur lucah itu.

Sejumlah 51 pekedai-pekedai yang bertanggungjawab mengedar dan menjualkan bahan-bahan berkenaan telah dihadapkan ke mahkamah. Setakat ini lima orang daripadanya didapati bersalah dan telahpun didenda. Sementara lain-lain kes telah dihadapkan dan masih menanti tarikh perbicaraan masing-masing.

Sejumlah 16 pencetak yang diketahui ada mencetak buku-buku yang mengandungi unsur-unsur lucah telah diberi amaran keras dan diingatkan bahawa lesen mereka itu akan ditarik jika sekiranya mereka mengulangi kesilapan itu. Suka juga diberitahu di sini bahawa sebilangan besar daripada buku-buku yang dirampas itu tidak mencatatkan nama-nama penerbit dan nama-nama pencetaknya. Ini menyulitkan tindakan menyiasat orang-orang yang bertanggungjawab menerbitkan buku-buku yang berkenaan.

Setakat ini siasatan masih dijalankan dengan tujuan mengambil tindakan ke atas penerbit-penerbit yang bertanggungjawab menerbitkan buku-buku tersebut. Kementerian saya dengan kerjasama pihak polis akan terus mengawasi serta menyekat pedaran bahan-bahan lucah ini, kerjasama orangramai adalah dialu-alukan dan dikehendaki supaya Kementerian saya dan pihak polis dapat mengambil tindakan-tindakan yang sesuai termasuklah yang diedar dan dijual secara sulit.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya banyak sangat buku-buku dan gambar-gambar lucah dijual di dalam pasaran pada hari ini dan kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian kerana bertindak. Adakah Kementerian ini pernah berjumpa di dalam tindakan itu sekeping gambar seorang penyanyi tempatan apabila beliau sedang menyanyi terputus bajunya sehingga mendedahkan buah dada begitu ghairah sekali. Adakah perkara yang semacam itu terjumpa. Kalau terjumpa bolehkah Kementerian ambil tindakan kepada tukang gambar yang ambil gambar seperti itu.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Setakat ini yang saya tahu belum terjumpa lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi sebanyak 7,444 buku-buku lucah telah didapati daripada 51 buah kedai, jadi pengedarnya ditangkap. Saya ingin mendapat tahu, itu ditangkap di kedai. Sekiranya buku ini tidak dapat di kedai bahkan terdapat di setengah-setengah rumah orang, yang mana orang itu boleh dikatakan baik, tetapi dipakai buku itu untuk dijadikan panduan berkelamin untuk mengeratkan ghairah, adakah ini juga salah dari segi undang-undang?

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah yang dimaksudkan pedaran percetakan termasuk juga akhbar-akhbar yang mana berlaku di masa yang dulu, satu cerita yang terbit dalam akhbar *Utusan Melayu* misalnya skandal Christine Keeler, yang mana ini juga kalau hendak dikatakan buku lucah hendak diharamkan kerana menaikkan ghairah, itu juga telah menaikkan ghairah, tetapi gambarnya tidak ada. Adakah cara yang semacam itu kalau ada diharamkan oleh Kerajaan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama tidak perlu dijawab oleh sebab itu melanggar peraturan yang kedua itu boleh.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Mengenai akhbar-akhbar yang mengeluarkan cerita-cerita yang bertujuan untuk memberi pelajaran lebih daripada menimbulkan soal lucah itu saya rasa tidak ada halangan yang berat bagi kita membenarkan kerana ada di antara cerita-cerita yang ditimbulkan seperti Christine Keeler ini adalah semata-mata untuk menunjukkan satu nilai moral yang patut dipelajari dari segi misal kata kepimpinan negara dan sebagainya. Jadi lucah di sini yang dimaksudkan ialah sebarang kecenderungan yang semata-mata dibuat daripada perkara seks yang boleh mendorong atau yang boleh menimbulkan kecenderungan kepada keruntuhan moral di kalangan rakyat di negara kita.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu bila buku-buku lucah ini sudah dirampas oleh pihak polis di manakah buku-buku lucah ini disimpan atau dibakar atau di

manakah perginya buku-buku lucah dan juga adakah Kementerian akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk menapis manakah jenis buku ini dianggap lucah atau bercorak pelajaran seks?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, buku yang telahpun dikategorikan sebagai lucah akan dihapuskan, maknanya dia dibinasakan daripada apa yang telah kita kumpulkan. Mengenai soal kecenderungan lucah, jabatan yang bertanggungjawab di bawah Kementerian saya ialah Bahagian Penerbitan yang mana mereka akan menilaikan setiap buku-buku yang dikeluarkan itu sama ada dikategorikan di dalam lucah itu ataupun tidak.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Soalan tambahan. Sungguhpun pihak Kementerian yang berkenaan dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan sedang mengambil berbagai-bagai tindakan tetapi pendedaran dan pengeluaran buku-buku lucah ini kian meningkat, jadi adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam konteks yang terdapat sekarang ini, tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan adalah merupakan tindakan cara sambil lewa sahaja, dan kalau sedar, bagaimanakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan-tindakan lain untuk menunjukkan ketegasan yang lebih berkesan?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menafikan bahawa tindakan yang kita ambil adalah tindakan sambil lewa sahaja kerana daripada tindakan-tindakan yang diambil telah menghasilkan penangkapan dan perampasan yang saya rasa satu permulaan yang baik dalam usaha kita untuk menghapuskan atau mengurangkan soal pendedaran buku-buku lucah. Sebagai jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sedar, terutama Kementerian saya, mengenai perkara ini dan kita telahpun menyusun tindakan-tindakan bagi memperhebatkan usaha-usaha ke arah mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang terlibat dalam pendedaran buku-buku lucah.

## MENUNAIKAN FARDHU HAJI TANPA MELALUI LUTH

3. Tuan Ibrahim bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya bakal-bakal haji yang hendak pergi menunaikan fardhu haji ke Mekah tanpa melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji dihalang daripada mendapat visa dan akibatnya bakal-bakal haji melalui swasta selalu terkandas. Adakah Kerajaan bercadang memberikan visa kepada mereka yang hendak menunaikan fardhu haji pada tahun akan datang.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kuasa untuk memberi visa masuk ke Arab Saudi ialah hak mutlak Kedutaan Besar Arab Saudi. Walau bagaimanapun, pihak Kedutaan itu telah menetapkan bahawa bagi mereka yang memohon untuk mendapatkan visa haji hendaklah dapat sokongan dari Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak akan menyokong permohonan visa daripada mereka yang akan menunaikan fardhu haji secara bersendirian sekiranya di dalam pandangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji mereka tersebut akan menghadapi masalah-masalah kewangan, masalah-masalah penerbangan balik dan masalah-masalah dengan pihak Arab Saudi sewaktu mereka berada di Arab Saudi kelak. Dari pengalaman apabila mereka ini mengalami masalah-masalah tersebut Lembaga Urusan dan Tabung Haji terpaksa masuk campurtangan kerana tidak ada orang lain yang hendak bertanggungjawab. Itulah sebab utama Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak menyokong pemergian secara bersendirian pada tahun-tahun lalu dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan tetap dengan pendirian ini yakni dengan peraturan ini.

**Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan bagaimana pula dengan keadaan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang hendak menunaikan fardhu haji, adakah perlu mereka juga meminta kebenaran daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, menurut peraturan yang telah kita tetapkan, dan ini telah kita dapat persetujuan dengan pihak Saudi Arabia, ada 6 kategori bakal haji yang boleh diberi sokongan atau diberi kebenaran oleh Saudi Arabia pergi membuat haji bersendirian. Pertama, kerana mendapat tambang percuma dari Syarikat Penerbangan MAS atau dari Rabitah Islamiah di Mekah. Kedua, kakitangan Kerajaan yang telah dapat tambang Kerajaan untuk mengelilingi dunia. Ketiga, mereka dalam bidang lawatan resmi Kerajaan Pusat atau negeri kerana menghadiri mesyuarat seminar ataupun kursus-kursus di luar negeri. Keempat, rakyat Malaysia keturunan India atau Pakistan yang hendak menziarahi keluarga di India atau Pakistan sebelum ke Tanah Suci. Kelima, penuntut-penuntut Malaysia yang hendak melanjutkan pelajaran di luar negeri—ini termasuklah apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Keenam, mereka yang mempunyai keluarga di Arab Saudi yang dapat menjaga mereka. Maka enam kategori ini sahajalah dapat diberi sokongan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya Kedutaan Arab Saudi memberi visa kepada mereka.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dijawabkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak mahu memberi sokongan kalau pada pandangan Tabung Haji didapati pihak yang akan mengambil haji terkena sesuatu kemalangan akan mengambil balik kepada pihak Tabung Haji. Sekiranya pihak yang akan mengambil haji tadi akan membuat satu tanggungjawab sebagaimana tanggungjawab di hospital mengatakan apa hendak jadi pun dia puas hati asalkan dia bagi balik. Tidakkah bagi Tabung Haji mengadakan satu borang kepada pihak-pihak yang berkenaan kalau dikatakan apa hendak jadi pun dia puas hati asalkan dibenarkan dia pergi dengan sendiri. Tidakkah akan diberi borang dan sekiranya didapati oleh pihak Tabung Haji orang yang berkenaan difikirkan boleh bertanggungjawab sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya jawapan itu sudah terkandung dalam jawapan Yang

Berhormat Menteri tadi. Ada hendak tambah lagi Yang Berhormat?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Edwin Tangkun.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini saya akan kemukakan jika ada masa di akhir soal-jawab ini.

#### **PAS MENGADAKAN CERAMAH— KEBENARAN**

5. **Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak polis tidak berlaku adil kerana enggan memberi kebenaran kepada PAS untuk mengadakan ceramahnya di Taman Brown, Pulau Pinang, pada 29hb Mac, 1981 hanya pada hari yang terakhir iaitu kira-kira pukul 11.00 pagi walaupun permohonan tersebut telah dikemukakan 30 hari sebelum itu, dan jika ya, sama ada beliau bersetuju dengan tindakan yang sedemikian.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan pihak Polis telah berlaku tidak adil surat permohonan parti PAS untuk mengadakan ceramahnya di Taman Brown, Pulau Pinang pada 29hb Mac, 1981 adalah tidak benar. Pada 4hb Mac, 1981 Ketua Polis Daerah George Town telah menerima surat permohonan untuk mengadakan ceramah. Permohonan tersebut memerlukan penyiasatan yang rapi dan teliti.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pemohon ditemuduga oleh pihak Polis, pemohon telah diberitahu yang permohonannya telah pun ditolak dan surat rasmi yang memberitahu tentang penolakannya itu adalah secara formal sahaja.

#### **MINYAK PETROLIAM—KUANTITI**

6. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan kuantiti minyak petroliam yang

dikeluarkan di Malaysia untuk setiap bulan dalam tahun 1981 dan jumlah nilai petroleum yang dijual dengan memberikan harga yunit yang dijual dengan memberikan harga yunit tong (unit barrel price) bagi setiap bulan.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran minyak mentah Malaysia bagi setiap bulan dalam tahun 1981 adalah seperti berikut:

Bulan	Tong Sehari
Januari .. .. .	257,500
Februari .. .. .	273,300
Mac .. .. .	270,800
April .. .. .	271,400
Mei .. .. .	269,800
Jun .. .. .	283,100
Julai .. .. .	230,400
Ogos .. .. .	255,800
September .. .. .	237,000

Pengeluaran purata sehari minyak mentah dari Januari ke Disember, 1981 adalah dijangka sebanyak 250,000 sehari. Jumlah nilai minyak yang dijual bagi setiap bulan hingga ke bulan September bagi tahun 1981 adalah seperti berikut:

Bulan	Pendapatan dari minyak mentah
Januari .. .. .	\$ 551 juta
Februari .. .. .	\$ 512 juta
Mac .. .. .	\$ 553 juta
April .. .. .	\$ 631 juta
Mei .. .. .	\$ 543 juta
Jun .. .. .	\$ 481 juta
Julai .. .. .	\$ 370 juta
Ogos .. .. .	\$ 587 juta
September .. .. .	\$ 432 juta
JUMLAH ..	<u>\$4,660 juta</u>

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bolehkah beliau menyatakan sistem menjual minyak ini, sistem yang digunakan dari PETRONAS menjual crude oil ini, adakah ini dalam satu tawaran atau perjanjian masa panjang atau dalam open spot market. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri ada menjawab jumlah nilai ini tetapi soalan saya pun ada bertanya harga tiap-tiap tong (per barrel).

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang pertama soalan tadi ialah bahawa penjualan dibuat mengikut kontrak dari segi jangka panjang (long-term contract).

Berhubung dengan bahagian kedua tadi, minta maaf, saya tidak memberi jawapan seperti diminta dan kalau benarlah, saya minta maaf. Saya akan memberi, tersalah baca barangkali dari segi soalan. Saya mengaku salah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kirim dengan surat sahaja tak apa dengan bertulis.

**Dato' Musa Hitam:** Kalau hendak saya beri, saya minta maaf, tersalah.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidakkah PETRONAS menjual minyak crude ini dalam spot market oleh kerana saya dapat tahu dari syarikat minyak tahun dahulu di mana beliau berkata beliau ada tawaran dari spot market ini walau harga sangat tinggi pun tidak boleh dapat kejayaan dalam tawaran minyak dari PETRONAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi maknanya tak adalah spot market?

**Tuan Lee Kaw:** Spot market.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tak adalah. Sebab tinggi pun tidak boleh dapat. Tak payahlah soal lagi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Lee Kaw:** Oleh kerana PETRONAS ada jual minyak dalam spot market, Tuan Speaker, sebab itu saya ingin mendapat tahu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sendiri kata walau bagaimana tinggi pun mengikut syarikat minyak itu tidak boleh dapat. Jadi maknanya tak adalah, tak berjuallah spot market.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau itu soalnya, saya tak hendak membuang masa Yang Amat Berhormat menjawab. Ada Yang Amat Berhormat hendak menjawabnya?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan saya itu spot market kita cuba jual masa lebih minyak itu keluar— memang benar, tetapi percubaan itu tak berjaya kerana terlampau banyak minyak.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan bahawa pendapatan dari minyak kepada negeri ini sebanyak \$4.6 bilion. Saya ingin bertanya kepada beliau sumber pendapatan negara yang terbesar dari minyak ini, adakah beliau sedar ataupun adakah beliau bersetuju sekiranya tidak ada sumber begitu banyak bahawa ekonomi negara kita tidak stabil.

Kedua, apakah tindakan Kerajaan kalau sekiranya minyak yang ada ini tidak dapat dikeluarkan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian pertama itu serupa juga macam saya kata tadi. Peraturan Mesyuarat 23 (1) (c) dan (1) (h) yang berkehendak kepada fikiran atau pendapat tidak boleh ditanya.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab harga minyak telah pun naik dengan begitu pantas sekali dalam tahun-tahun yang lalu ini, maka adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa penjualannya secara kontrak jangka panjang sudah tentu akan merugikan kita.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dari segi jangka panjang kita mengadakan kontrak semata-mata untuk menentukan pasarannya, mendapat pasaran yang tertentu supaya pendapatan yang tertentu mengikut jangka panjang semasa purata akan terselamat, ini dari segi jangka panjang. Tetapi berhubung dengan sama ada ianya baik atau tidak, ini ialah satu sistem yang telah dikaji pada keseluruhannya dan kita menukar sistem itu cuma di dalam keadaan-keadaan di mana kita berlebihan minyak sahaja. Setakat ini orang yang membelinya telah kita berlebihan minyak sahaja. Setakat

ini orang yang membelinya telah kita dapat tentukan dan kita ada boleh dikatakan sebagai captive market, jadi kita membuat persetujuan berasas kepada itu.

### SAHAM-SAHAM SYARIKAT SWASTA KEPADA BUMIPUTERA

7. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menguraikan langkah-langkah yang sedang diambil bagi melindungi saham-saham bumiputera di dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat yang ada sekarang dan sama ada Akta tersebut akan dikaji semula dengan maksud mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih ketat bagi mengawal pemindahan saham bumiputera kepada bukan bumiputera.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, sejak awal tahun 1980 Kementerian saya telah menetapkan langkah-langkah untuk memastikan supaya saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat swasta kepada bumiputera tidak jatuh ke tangan bukan bumiputera (termasuk pelabur asing). Umpamanya dari tahun 1970 hingga 1979 sejumlah 142,969,280 unit saham syarikat-syarikat tercatat yang berharga \$203,679,453 telah diuntukkan melalui Kementerian saya kepada individu-individu, syarikat-syarikat dan institusi-institusi bumiputera. Apa yang mendukacitakan adalah dianggarkan bahawa 46% dari jumlah saham-saham tersebut telah pun dijual balik di pasaran terbuka dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan segera tanpa mengira tentang pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kementerian saya telah mengambil langkah bagi memberhentikan tawaran saham-saham syarikat berhad tercatat dan yang tidak tercatat kepada individu, syarikat dan koperasi bumiputera. Sebaliknya Kementerian saya menawarkan saham-saham ini kepada institusi-institusi yang teguh supaya dapat dijamin pegangan saham-saham ini oleh masyarakat bumiputera. Bagi mengelak dari sebarang penyelewengan, syarikat-syarikat di bawah kelolaan Kementerian ini dikehendaki berunding terlebih dahulu dengan

Kementerian saya sebelum menawarkan saham-saham mereka itu.

Menyentuh kepada syarikat-syarikat sendiri berhad, saham-sahamnya juga dipelawa kepada institusi-institusi dan tawaran juga dibuat kepada syarikat-syarikat bumiputera, koperasi dan bumiputera perseorangan. Pemilihan mereka adalah bergantung kepada beberapa kriteria tertentu supaya hanya yang teguh dan yang sanggup menyimpan saham-saham ini diberikan tawaran. Saham-saham syarikat tersebut boleh dikawal kerana penjualannya terpaksa mendapat kelulusan Lembaga Pengarah syarikat berkenaan.

Bagi menjawab bahagian yang kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan belum ada sebarang cadangan untuk meminda Akta Syarikat bagi mengawal pemindahan saham yang dimiliki oleh bumiputera kepada bukan bumiputera.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut masalah pembelian syarikat-syarikat yang asalnya ditubuhkan oleh bumiputera dan apabila saham-saham syarikat ini dijual kepada bukan bumiputera maka keseluruhan ekuiti syarikat berpindah tangan daripada bumiputera kepada bukan bumiputera dan pihak agensi-agensi yang mengawal syarikat-syarikat ini tidak dapat berbuat apa-apa atas pemindahan saham-saham syarikat bumiputera ini. Saya minta keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah yang boleh dibuat oleh Kementerian di bawah undang-undang yang ada sekarang untuk mengawal keadaan ini?

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saham-saham di dalam sesebuah syarikat itu merupakan harta yang boleh dipindah milik atau dijualbeli. Sebenarnya sama ada saham sesebuah syarikat itu boleh dipindah milik dengan sewenang-wenangnya atau tidak terpujanglah kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan sesebuah syarikat itu dan Perlembagaan Syarikat digubal sendiri oleh penaja dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat dan Pejabat Pendaftar Syarikat dan mengikut kehendak penaja-penaja itu sahaja.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di negeri-negeri juga Kerajaan Negeri ada meletakkan syarat-syarat supaya misalnya pemaju-pemaju perumahan dikehendaki menjual 30% kepada bumiputera dan di pihak Kerajaan Pusat juga pihak Kementerian ada mengenakan syarat misalnya bagi sesebuah syarikat yang mendapat taraf perintis 30% daripada saham-sahamnya mesti dijualkan kepada bumiputera. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa saham-saham ini tidak terlepas kepada bukan bumiputera?

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah menjawab tadi bahawa syarikat-syarikat yang dikelolakan oleh Kementerian saya dikehendaki untuk berunding dengan Kementerian sebelum mereka mengambil sebarang tindakan untuk menjualkan saham-saham di dalam syarikat tersebut. Dan kedudukan saham-saham yang dihaskan kepada bumiputera mengikut syarat-syarat kelulusan dan keluaran lesen sentiasa diawasi dari semasa ke semasa dan syarikat-syarikat yang berkenaan sentiasa diberikan galakan untuk mencari pembeli-pembeli bagi memenuhi syarat-syarat yang telah dikenakan kepada pengeluaran lesen-lesen yang tersebut.

## NILAI MATAWANG MALAYSIA

**8. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah punca-punca utama kemerosotan nilai matawang Malaysia dan sejauh mana langkah yang diambil oleh pemodal-pemodal tempatan memindahkan modal-modal mereka ke luar negeri seperti di Singapura, Hong Kong, Australia dan lain-lain, dan sama ada ini telah memberi kesan buruk kepada kegiatan ekonomi negara. Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan dalam Ucapan Belanjawan pada 23hb Oktober,

tahun ini nilai ringgit kita adalah kukuh pada tahun ini berbanding dengan gabungan matawang rasmi rakan-rakan dagangannya dan bukan merosot seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Ringgit kita adalah kukuh berbanding dengan paun sterling, yen Jepun, deutschemark dan franc swiss dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, walaupun nilainya turun sedikit jika dibandingkan dengan dolar Amerika dan dolar Singapura. Prestasi ringgit diterangkan dengan lebih lanjut dalam Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, sistem Kawalan Pertukaran Wang kita yang liberal dan tanpa diskriminasi membolehkan aliran masuk dan aliran keluar kumpulan wang dibuat dengan bebasnya. Dasar ini telah mendatangkan kebaikan kepada negara, terutamanya dalam menarik masuk modal-modal asing. Oleh kerana sistem yang agak bebas ini, aliran modal keluar juga berlaku. Apa yang patut kita perhatikan mengenai perkara ini ialah kedudukan bersih, iaitu perbezaan di antara aliran keluar dengan aliran masuk dan bukan ke atas orang-orang tertentu yang memindahkan wangnya keluar negara sahaja. Selagi kedudukan bersih ini tidak bertentangan dengan kepentingan negara, tidak ada sebab mengapa kita harus merasa bimbang.

Dalam hal ini, kedudukan pembayaran luar negeri telah menunjukkan ketahanan dan keutuhannya sungguhpun ekonomi dunia sekarang mengalami keadaan kemelesetan dan harga-harga barangan lemah. Imbangan pembayaran negara dan simpanan luar negara kita dalam tahun 1981 terus kukuh, walaupun kita menjangka kurangan dalam akaun semasa. Kedudukan simpanan luar negara kita dijangka berkekalan pada paras yang memuaskan yang boleh membiayai 4½ bulan import tertanggung menjelang akhir tahun ini. Paras simpanan luar negara ini adalah tinggi dan menunjukkan bahawa dasar kawalan pertukaran kita yang liberal adalah sesuai untuk kemajuan ekonomi kita. Pelabur-pelabur asing tertarik untuk melabur di negara ini kerana mereka yakin yang mereka boleh membawa keluar wang mereka pada bila-bila masa. Dasar kawalan pertukaran wang kita

yang liberal telah memberi kebaikan selama ini kepada negara kita. Kita tidak bercadang untuk mengubahnya, hanya terdapat beberapa orang rakyat Malaysia yang lebih suka melabur atau memindahkan modal mereka ke luar negeri.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar bahawa pemodal-pemodal tempatan memindahkan modal mereka ke luar negeri adalah disebabkan penyelewengan Dasar Ekonomi Baru dan Industries Co-Ordination Act?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuduhan itu tidak benar oleh kerana di masa-masa yang sudah tidak ternampak pengaliran modal wang ke luar negeri hanya berlaku baru-baru ini apabila keadaanimbangan pembayaran kita mengalami kelemahan sedikit.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kegiatan pemodal-pemodal tempatan tidak disekat tetapi suatu hakikat yang nyata bahawa sekiranya mereka itu digalakkan ataupun menanam modal di dalam negeri ini sudah tentulah ia akan membawa keuntungan yang lebih pada negara kita. Jadi, sama ada sikap liberal Kerajaan itu diimbangkan juga dengan usaha-usaha untuk menggalakkan pemodal-pemodal tempatan itu lebih suka menanam modal di dalam negeri kerana ini lebih membawa keuntungan kepada negara kita.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menggalakkan pemodal-pemodal tempatan untuk menanam modal dalam negeri sebagaimana galakan yang diberi setiap tahun dan setiap masa untuk menambahkan penambahan modal dalam negara kita sendiri.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang dapat menjadikan matawang kita kukuh. Soalan saya, saya ingin mendapat tahu sama ada Kerajaan boleh ataupun boleh bercadang mengapungkan ringgit Malaysia yang ada pada hari ini supaya tidak terlibat dengan kejatuhan dolar, pound, yen dan lain-lainnya?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, memang nilai dollar kita sudahpun diapung sejak tahun 1975 lagi dan ianya didasarkan kepada nilai matawang beberapa matawang dagangan kita di dunia.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu sebab yang sebenarnya yang menyebabkan nilai dollar Singapura lebih tinggi daripada ringgit Malaysia dan juga apakah usaha-usaha telah diambil untuk memperseimbangkan nilai dollar Singapura dengan ringgit Malaysia kerana ketidakseimbangan ini mungkin akan menjejaskan kepercayaan dan imej Malaysia dan juga bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu bilangan perbandingan mengenai aliran kapital asing masuk ke Malaysia dan kapital tempatan keluar dari Malaysia. Mana satukah yang lebih.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, disebabkan kenaikan ataupun kekukuhan nilai matawang dollar Singapura adalah atas beberapa perkara. Pertamanya ialah oleh kerana keteguhan imbalan pembayaran. Keduanya adalah oleh kerana kemasukan wang dengan banyak ke Singapura daripada negara-negara tetangga. Ketiganya adalah oleh kerana kadar faedah yang tinggi yang dikenakan oleh bank-bank di Singapura. Saya tidak fikir kalau nilai matawang kita turun dibandingkan dengan nilai matawang yang lain akan menjejaskan imej kita oleh kerana ini adalah perkara biasa dan perkara ini dialami oleh mana-mana negara sekalipun dari masa ke semasa.

Sekarang ini sebagaimana yang saya telah umumkan sekejap tadi nilai matawang kita telah pun bertambah kukuh kalau dibandingkan dengan matawang negara-negara utama di dunia ini, kecuali bagi dua negara iaitu matawang dollar Amerika dan matawang dollar Singapura sahaja. Dan ada kebaikan pula bagi kita apabila nilai matawang kita turun ia menggalakkan kita mengeksport, kerana nilai dan harga eksport kita lebih rendah dan murah untuk dibeli orang dan ini akan menambahkan pendapatan

untuk mereka yang mengusahakan eksport yang dihantar keluar oleh kita dan juga akan menambah peluang-peluang pelaburan bagi pelabur dalam dan luar negeri di samping menambah peluang pendapatan dan pekerjaan bagi rakyat jelata sekali. Saya tidak dapat hendak memaklumkan di sini oleh kerana tidak mempunyai butir-butir yang lengkap untuk dinyatakan kepada Dewan yang mulia ini tentang aliran wang keluar yang masuk dalam tempoh jangka masa 9 bulan yang lepas, tetapi saya boleh bayangkan bahawa jumlah wang yang keluar adalah tidak banyak dan tidak mungkin menjejaskan ekonomi kita.

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan adakah dia sedar iaitu sebilangan daripada pemodal-pemodal negara ini menghantar wang ke luar negeri kerana bimbang setelah mendengar hasutan dan juga kempen PAS yang melampau itu? Itu fasal dia takut.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Mungkin itu salah satu daripadanya.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Haji Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan sama ada beliau sedar bahawa kejatuhan nilai matawang Malaysia jika dibandingkan dengan nilai matawang Singapura tidak pun disedari oleh rakyat kita di kampung, tetapi yang menyedari perkara ini hanyalah mereka yang pergi ke Singapura untuk melancung ataupun untuk membeli-belah. Baru-baru ini apabila Kerajaan kita mengumumkan bahawa kamera, pen dan sebagainya sudah tidak dicukai lagi maka pada hari ini peniaga di Johor Bahru begitu seronok dan sukacita sekali. Jadi, saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan sama ada kita akan menurunkan nilai matawang kita dibandingkan dengan wang Singapura setakat yang ekonomik kepada kita.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, kita biasanya mengawasi nilai matawang kita supaya ianya tidak menjejaskan eksport kita ke luar negeri.

## BEKALAN AIR DARI BAWAH TANAH

9. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan diberi kepada Jabatan Kajibumi Sarawak untuk mencari bahan air bawah tanah dalam Rancangan Malaysia Keempat; dan
- (b) berapakah kawasan-kawasan di Sarawak yang kini mendapat bekalan air dari bawah tanah.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan bagi soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Peruntukan sebanyak \$300,000 telah diluluskan kepada Jabatan Kajibumi Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi projek Penyiasatan Kaji Punca Airbumi.
- (b) Buat masa ini, hanya satu kawasan sahaja iaitu Kampung Jerijeh Batu di Bahagian ke 6 menerima bekalan air dari punca airbumi.

## HASMAT PROPERTIES/FAHLUM DEVELOPMENT SDN. BHD.

10. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemaju perumahan M/s Hasmat Properties Sdn. Bhd. dan M/s Fahlum Development Sdn. Bhd. (kedua-duanya dari Ipoh) telah menaikkan harga rumah-rumah harga murah dari anggaran \$20,000/- ke anggaran \$60,000/- di dalam rancangan perumahannya di Taman Chempaka Tengah dan Taman Rishah tanpa pengetahuan dan persetujuan pembeli-pembelinya. Jika sedar, apakah langkah yang dicadang oleh beliau untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima beberapa pertanyaan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan itu dan telah menjalankan siasatan ke atas syarikat-syarikat yang berkenaan.

Berkenaan dengan Syarikat Fahlum Development Sdn. Bhd., saya suka menerangkan bahawa syarikat ini pada mulanya bercadang untuk menjalankan projek perumahan ke atas sebidang tanah yang lebih luas daripada apa yang ada sekarang dan telah menerima 750 tempahan dari pemohon-pemohon. Mereka telah diberi peruntukan sementara berasaskan kepada pelan tataatur yang dicadangkan pada masa itu. Walau bagaimanapun, oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan pemaju ini hanya dapat melaksanakan Fasa 1 dan Fasa 2 bagi projek yang berkenaan yang mengandungi hanya 298 unit rumah. Jadi di antara 750 permohonan hanya 298 daripada mereka yang berjaya mendapat rumah. Pemohon-pemohon yang tidak berjaya seterusnya diminta untuk menarik balik tempahan mereka. Bagaimanapun mereka telah meminta pemaju untuk menimbangkan permohonan mereka bagi Fasa-fasa lain yang mungkin akan dijalankan oleh pemaju tersebut di masa akan datang. Pada masa itu pihak pemaju telah juga menerangkan kepada pemohon-pemohon ini dan mereka juga sedar bahawa harga rumah akan berubah dan tidak sama seperti harga yang dicadangkan dalam tahun 1976 semasa permohonan syarikat ini diluluskan oleh Kerajaan.

Baru-baru ini pihak pemaju telah berjaya mendapat kelulusan bagi meneruskan projek mereka di atas sekeping tanah yang lain yang mengandungi 450 unit dan mereka yang telah meminta supaya tempahan yang dibuat oleh mereka lebih awal itu dikekalkan telah diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, harga yang dicadangkan bagi Fasa 3 ini adalah lebih daripada harga yang ditetapkan dalam tahun 1976 iaitu mengikut harga semasa.

Saya suka menerangkan di sini bahawa pada amnya seorang pemaju tidak terikat kepada sesuatu harga rumah yang dicadangkan itu selagi Surat Perjanjian Jualbeli tidak ditandatangani. Pada biasanya harga rumah tidak dikekalkan di peringkat tempahan.

Berkenaan dengan Syarikat Hasmat Properties Sdn. Bhd. apa yang telah berlaku adalah hampir sama sebagaimana Syarikat Fahlum Development Sdn. Bhd. Kementerian saya telah pun menyampaikan laporan-laporan yang lengkap kepada Ahli Yang

Berhormat dari Ipoh melalui surat Kementerian saya bertarikh 3hb Oktober, 1981.

Kementerian saya sedar atas masalah-masalah yang timbul daripada kutipan wang tempahan perumahan seperti yang berlaku dalam kes-kes ini dan cadangan-cadangan sedang ditimbang oleh Kementerian saya untuk memperketatkan lagi undang-undang yang ada sekarang bagi mengurangkan masalah-masalah yang timbul. Di antara lain, Kementerian saya akan mempertimbangkan kemungkinan di mana pihak pemaju perumahan hanya akan dibenarkan mengutip wang deposit 10% dan menandatangani perjanjian jual-beli apabila mereka menjalankan projek perumahan dan tidak dibenarkan mengutip wang tempahan.

#### **BANK NEGARA—KADAR FAEDAH MAKSIMA**

11. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar arahan Bank Negara supaya kadar faedah maksima yang boleh dikenakan oleh bank-bank perdagangan pinjaman-pinjaman perumahan bagi 10% setiap tahun telah menyebabkan kesusahan kepada golongan berpendapatan rendah kerana mereka tidak dapat perolehan pinjaman bagi maksud tersebut dari bank-bank perdagangan kerana hampir semua bank-bank Perdagangan tidak mahu atau keberatan untuk memberi pinjaman-pinjaman perumahan kepada para pembeli rumah-rumah tersebut kerana faedah yang dibayar oleh bank-bank perdagangan atas simpanan-simpanan tetap adalah lebih dari 11% setiap tahun; jika ya, melalui apa carakah Kerajaan ingin menyelesaikan masalah tersebut; dan
- (ii) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengarah Bank Negara untuk menggariskan satu garis panduan untuk bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan untuk

menggunakan 20% dari simpanan-simpanan semasa (current account deposits) yang tidak tertakluk kepada bayaran faedah sebagai pinjaman-pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah-rumah berharga \$100,000 ke bawah kerana menurut Laporan Tahunan Bank Negara 1980, simpanan-simpanan dalam akaun semasa di bank-bank perdagangan adalah sebanyak \$5,326.2 juta setakat 31hb Disember, 1980 dan sekiranya langkah ini diambil, lebih dari satu juta ringgit boleh dimobilisasikan untuk memberi pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah-rumah yang berharga \$100,000 dan ke bawah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini, mengikut kajian yang telah dibuat oleh Bank Negara dalam bulan Jun 1981, lebih kurang 74% daripada jumlah pinjaman perumahan yang belum dijelaskan atau \$2,227.2 juta pada akhir tahun 1981 adalah untuk rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah. Dari segi bilangan unit pula, bank-bank dijangka akan memberi pinjaman untuk 94,574 unit rumah atau 91.3% daripada jumlah bilangan unit berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap satu menjelang akhir tahun 1981. Bagi keseluruhan separuh tahun kedua ini, bank-bank akan memberi pinjaman sebanyak \$520 juta kepada orang-orang perseorangan untuk perumahan, berbanding dengan \$364 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu. Daripada jumlah pinjaman yang akan dikeluarkan bagi separuh-tahun kedua itu 85.5% daripada jumlah pinjaman akan diberi untuk rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah.

Dari perangkaan yang saya sebut itu adalah nyata bahawa bank-bank perdagangan sedang terus menguntukkan sebahagian besar daripada pinjaman perumahan mereka untuk membiayai pembelian rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah. Walau bagaimanapun, Bank Negara sedang mengawasi dengan rapi keadaan ini

dan jika sekiranya didapati bahawa bank-bank tidak menyalurkan pinjaman yang mencukupi daripada jumlah pinjaman mereka untuk rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah Bank Negara mungkin akan terpaksa menetapkan garis panduan yang berasingan ke atas pinjaman untuk rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000.

Pada akhir bulan September, 1981, simpanan semasa bagi kesemua bank berjumlah lebih kurang \$5,646 juta, atau 20.4% daripada jumlah simpanan. Oleh kerana simpanan-simpanan semasa ini adalah simpanan yang tidak dibayar faedah, ianya lebih merupakan wang yang "percuma" kepada bank. Kumpulan wang yang "percuma" ini telah menolong mengurangkan kos kumpulan wang simpanan bank yang mana pada akhir bulan September adalah sebanyak 7.64% setahun. Dengan cara ini, kumpulan wang simpanan semasa tersebut dapat menolong bank-bank meneruskan pemberian pinjaman-pinjaman perumahan pada kadar tidak melebihi 10% setahun bagi rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah, dan masih lagi dapat membuat keuntungan yang berpatutan di atas pinjaman-pinjaman tersebut.

Daripada hakikat-hakikat yang saya sebutkan, buat masa ini, Kementerian Kewangan berpendapat tidak perlu dikenakan sebarang garis panduan ke atas bank-bank bagi menggunakan peratusan tertentu daripada simpanan-simpanan semasa untuk pinjaman perumahan.

**Tuan Fung Ket Wing:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to ask the Deputy Minister of Finance to state whether he is aware that interest rates on housing loans charged by some banks are on a yearly rest which is different from the actual rate drawn on a monthly basis; and how far it affects the borrowers or the housing loans received by the public; and what are the steps taken to protect the interests of the housing loan borrowers?

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada kadar faedah yang ditetapkan oleh bank-bank dikira mengikut "monthly rate" dan juga "yearly rate". Walau bagaimanapun Bank

Negara telah meminta bank-bank perdagangan supaya memberi penerangan yang sejelas-jelasnya kepada pihak yang meminjam.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedar bahawa directive atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara terhadap bank-bank perdagangan ini adalah sedikit keliru sehingga mereka mempersoalkan balik bila satu pengumuman dibuat dalam Dewan yang mulia ini atas pinjaman perumahan.

Kedua, apakah sebabnya bank-bank perniagaan tempatan ertinya bank-bank yang ditubuhkan di Malaysia ini sebahagian besarnya sudah mematuhi peratus pinjaman perumahan dikeluarkan untuk orang ramai. Tetapi bank-bank perdagangan asing masih belum habis memperuntukkan pinjaman perumahan kepada orang ramai. Apakah sebabnya berlaku satu keadaan di mana bank tempatan boleh mematuhi arahan ini dan bank asing masih tidak dapat menjalankan tugasnya.

**Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, tidak seharusnya timbul kekeliruan mengenai garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara. Walaupun pada hakikatnya garis panduan tersebut tidak menetapkan bahawa pinjaman perumahan itu seharusnya diberi kepada rumah-rumah yang bawah daripada \$100,000. Tetapi dari segi moral suasion Bank Negara ini meminta supaya sebahagian besar daripada pinjaman yang diberi kepada individu-individu akan diberi kepada individu-individu untuk membeli rumah-rumah di bawah daripada \$100,000 dan daripada angka-angka yang telah saya sebutkan tadi nampaknya sebahagian besar daripada jumlah itu akan diberi untuk pembelian rumah-rumah di bawah \$100,000.

Mengenai dengan kedudukan bank-bank yang belum lagi mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara, sukacita saya jelaskan bukan sahaja bank-bank ada daripada 22 buah bank yang belum lagi mematuhi garis panduan terdapat juga bank-bank tempatan dan juga bank-bank asing yang

belum lagi mematuhi arahan tersebut. Walau bagaimanapun kita akan hanya dapat membuat satu kesimpulan pada akhir tahun ini.

### LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU— PERATURAN

**12. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar peraturan-peraturan yang dikenakan oleh Lembaga Kemajuan Bintulu berkait dengan kemajuan tanah telah menjejaskan kemajuan kawasan tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menarik balik syarat-syarat yang dikenakan itu yang jelas adalah tidak adil.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa peraturan-peraturan yang dikenakan oleh Lembaga Kemajuan Bintulu berkait dengan kemajuan tanah di kawasannya telah menjejaskan kemajuan kawasan tersebut. Sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri Sarawak, Lembaga ini adalah terikat kepada dasar dan syarat-syarat pengawasan Kerajaan Negeri tersebut terutama sekali di dalam hal-hal berkaitan dengan tanah. Perkara pokok yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu di dalam masalah yang dipersoalkan ini ialah mengenai tanah dan oleh sebab tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, maka keputusan muktamad ke atas persoalan ini, terutamanya sama ada untuk menarik balik ataupun tidak dasar yang telah dibuat itu, adalah terletak kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 13 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).*

### EKSPORT BAHAN-BAHAN UTAMA

**4. Datuk Edwin anak Tangkun** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pertumbuhan ekonomi negara setengah tahun pertama 1981 ini lebih menggalakkan dalam tempoh yang sama dari tahun lalu, jika ya,

nyatakan punca-punca utamanya dan peratus sumbangan eksport bahan-bahan utama negara dan barangan industri dalam masa tersebut.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Pertumbuhan ekonomi dalam setengah tahun pertama 1981 tidaklah begitu menggalakkan berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun yang lalu. Kebanyakan sektor-sektor telah mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan berbanding dengan tahun 1980, disebabkan terutamanya oleh kesan-kesan yang buruk akibat dari kemerosotan yang berterusan dalam negara-negara perindustrian utama.

Sektor eksport yang telah memberi teras yang penting dalam tahun 1980 telah merosot tahun ini. Dalam enam bulan yang pertama tahun ini eksport berjumlah hanya \$13.1 ribu juta berbanding dengan \$14.5 ribu juta dalam tempoh yang sama tahun 1980, iaitu jumlah eksport telah merosot sebanyak 10% berbanding dengan pertambahan sebanyak 32% dalam tahun 1980. Ini disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam harga barang-barang utama kita akibat oleh permintaan yang berkurangan untuk barang-barang mentah itu. Dengan itu imbangan perdagangan telah menunjukkan lebihan yang rendah sebanyak \$276.8 juta dalam enam bulan pertama tahun ini berbanding dengan \$3,431.2 juta dalam tahun yang lepas.

Pengeluaran dalam sektor-sektor yang utama dalam ekonomi juga telah berkurangan. Pengeluaran kelapa sawit dan kayu balak telahpun menurun. Dalam enam bulan yang pertama tahun 1981 pengeluaran kelapa sawit bertambah hanya sebanyak 0.8% kepada 12 juta tan metrik berbanding dengan 25% dalam tempoh yang sama dalam tahun 1980. Pengeluaran kayu balak berjumlah 13.1 juta meter padu, iaitu kekurangan sebanyak 3% dari tempoh yang sama dalam tahun yang lepas. Hanya pengeluaran getah bertambah sedikit pada kadar sebanyak 0.6% dalam 6 bulan yang pertama tahun ini berbanding dengan kemerosotan sebanyak 0.2% dalam tempoh yang sama tahun 1980. Aktiviti-aktiviti perlombongan juga telah merosot berikutan dari penutupan beberapa lombong bijih timah disebabkan oleh harga-harga yang rendah dalam setengah tahun yang pertama.

Pengeluaran petroleum juga merosot dari purata sebanyak 290,445 tong sehari dalam setengah tahun yang pertama tahun 1980 kepada 270,000 tong sehari dalam tempoh yang sama tahun ini.

Kadar pertumbuhan aktiviti ekonomi terus lembab dalam setengah tahun yang kedua tahun 1981 dan dengan itu kita menjangkakan bahawa KDNK pada keseluruhannya akan bertumbuh sebanyak 6.8% sahaja berbanding dengan 8% dalam tahun 1980.

Analisa yang mendalam mengenai prestasi ekonomi termasuk pengeluaran dan harga-harga boleh didapati dalam Laporan Ekonomi 1981/82 Kementerian Kewangan yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

### PENDATANG HARAM

**13. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menggariskan satu dasar tertentu mengenai masalah pendatang-pendatang haram kerana kehadiran mereka selanjutnya di sini telah menimbulkan soal-soal politik, ekonomi dan sosial.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah saya berikan di Dewan yang mulia ini pada 28-10-1981 semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak ada apa-apa perkara baru untuk ditambah.

### HARGA LADA HITAM

**14. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan harga lada hitam yang rendah sama ada Kerajaan akan memberi subsidi khas kepada penanam-penanam lada untuk memelihara pengeluaran lada di negara ini.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Memandangkan harga lada hitam yang rendah dan kos pengeluarannya yang semakin meningkat Kerajaan sedang berusaha untuk menstabilkan harganya melalui Kommuniti Lada Hitam Antarabangsa dan satu kajian yang menyeluruh sedang dibuat untuk menambahkan subsidi input kepada penanam-penanam lada hitam.

### LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA— BANTUAN KEPADA PETANI

**15. Tuan Kamaludin bin Maamor** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) telah gagal membantu petani memasarkan padi memandangkan petani-petani masih menjual sebahagian besar daripada pengeluaran mereka kepada orang-orang tengah sungguhpun pelaksanaan subsidi padi telah wujud, dan jika sedar, apakah langkah konkrit Lembaga ini bagi mengatasi masalah ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Adalah tidak benar bahawa LPN telah gagal membantu petani-petani memasarkan padi mereka.

Sebenarnya LPN hanyalah merupakan salah satu dari saluran pemasaran untuk padi petani-petani dan dengan itu, petani boleh memilih untuk sama ada menjual terus kepada LPN ataupun melalui saluran-saluran bertaualiah yang lain yang telah dilesenkan oleh LPN. Tetapi malangnya masih ada petani-petani yang menjual padi mereka kepada orang tengah yang tidak dilesenkan itu, oleh kerana sebab-sebab mereka sendiri, seperti sangkut-paut hutang lama dan kemudahan-kemudahan kredit. Penjualan padi kepada orang tengah yang tidak berlesen itu hanya akan berhenti jika semua petani sedar bahawa dasar subsidi harga padi hanya memberi faedah kepada petani-petani jika mereka menggunakan saluran pemasaran rasmi dan jika mereka juga sedar bahawa mereka akan rugi akibat tidak dapat menikmati subsidi itu.

### PASUKAN RELAWAN RAKYAT

**16. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperkemas dan meninggikan lagi mutu perkhidmatan Pasukan Relawan Rakyat kita supaya lebih bermakna lagi.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Seperti Yang Berhormat wakil dari Padang Rengas sedia maklum, Pasukan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) adalah satu pasukan sukarelawan yang sehingga ini

mempunyai keanggotaan seramai 348,089 orang. Anggota-anggota RELA di seluruh negara mempunyai peranan dan tanggungjawab yang telah dirangkumkan dalam bentuk falsafah dan dikenali sebagai Falsafah RELA. Falsafah RELA ini merangkumi 3 bidang utama iaitu bidang-bidang keselamatan, sosio-ekonomi dan kebajikan.

Bagi memperkemas dan meninggikan lagi mutu perkhidmatan Pasukan RELA, Kementerian ini telahpun mengambil langkah-langkah berikut:

- (1) Meningkatkan mutu latihan-latihan yang diberi kepada ahli-ahli RELA.
- (2) Memperbanyakkan lagi kerja-kerja kebajikan dan sukarela yang disumbangkan oleh ahli-ahli RELA di kawasan masing-masing.

Di bidang latihan, Ibu Pejabat RELA telah mengadakan jurulatih-jurulatih sendiri yang terdiri dari ahli-ahli RELA. Jurulatih-jurulatih ini mendapat latihan khas di pusat-pusat latihan Polis untuk selama 6 minggu. Mereka ini kelak akan ditugaskan mengajar dan melatih ahli-ahli RELA di daerah/kawasan masing-masing. Sehingga akhir tahun ini seramai 204 orang ahli RELA akan dapat dilatih sebagai Jurulatih RELA.

Di bidang kerja-kerja kebajikan dan sukarela, pasukan RELA di tiap-tiap daerah ada menubuhkan Jawatankuasa Kerja Kemajuan dan Kebajikan RELA Daerah. Jawatankuasa ini menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kerja-kerja secara gotong royong, kerja-kerja amal, dan lain-lain yang melibatkan semua ahli-ahli RELA/RELAWATI di daerah yang berkenaan.

Di samping langkah-langkah yang dinyatakan tadi, Kementerian ini telahpun mengambil keputusan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil supaya mengkaji semula dan meneliti usaha-usaha bagi menyusun semula Pasukan RELA dari semua aspek. Selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Kecil ini, Kementerian ini telah mengarahkan Pasukan RELA supaya membekukan kempen-kempen untuk menambah bilangan anggota RELA.

## BOT LAJU PENUMPANG DI PELABUHAN SARAWAK

**17. Dato Leonard Linggi anak Jugah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dengan tujuan mengurangkan kesesakan tempat duduk dalam kapal terbang MAS, Malaysian International Shipping Corporation mempunyai rancangan untuk mengadakan perkhidmatan bot laju penumpang dari pelabuhan-pelabuhan Sarawak ke Pasir Gudang dan/atau Kuantan.

**Dato' Musa Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd. (MISC) tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan bot laju penumpang dari pelabuhan-pelabuhan Sarawak ke Pasir Gudang dan/atau Kuantan kerana perkhidmatan ini adalah tidak ekonomik oleh sebab tambang laut tidak dapat menandingi tambang yang dikenakan oleh kapal terbang, dan pelayaran dari Pasir Gudang atau Kuantan ke Sarawak memakan masa dua hari; iaitu satu jangkamasa yang lebih lama jikalau dibandingkan dengan masa yang diambil oleh kapal terbang.

## TIMBALAN PERDANA MENTERI KEDUA

**18. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak MCA atau Pemuda MCA secara rasmi telah meminta beliau melantik seorang China sebagai Timbalan Perdana Menteri Kedua; jika ya, nyatakan pendirian Kerajaan atas perkara ini.

**Dato' Musa Hitam:** Pemuda MCA dalam pertemuannya dengan YAB Perdana Menteri baru-baru ini telah menyatakan hasratnya meminta YAB Perdana Menteri melantik seorang keturunan China sebagai Timbalan Perdana Menteri Kedua. YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa soal jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua tidak sewajarnya dibangkitkan.

## KESILAPAN DALAM SURAT BERANAK

**19. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa permohonan untuk membetulkan kesilapan-kesilapan dalam surat-

surat beranak mengambil masa yang sangat lama, umpamanya di Johor masa yang diambil ialah antara 8-12 bulan bagi Pejabat Pendaftaran Negeri Johor untuk memproses permohonan-permohonan tersebut sebelum ia dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk tindakan selanjutnya; jika ya, nyatakan sebab-sebab mengapa kelambatan yang sangat panjang ini berlaku dan langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses permohonan-permohonan tersebut.

**Tuan Abdul Rahim bin Dato' Thamby Chik:** Permohonan untuk membetulkan kesilapan-kesilapan dalam surat-surat beranak adalah tidak mengambil masa yang lama jika kesilapan-kesilapan tersebut merupakan kesilapan-kesilapan perkeranian (clerical errors), di mana biasanya boleh diluluskan serta-merta di peringkat Ibu-Ibupejabat Jabatan Pendaftaran Negara di tiap-tiap Negeri atau Ibupejabat Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Petaling Jaya. Tetapi, jika kesilapan tersebut merupakan kesilapan fakta (factual errors) maka kajian yang teliti dan mendalam perlu dijalankan sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Berkenaan dengan permohonan untuk membetulkan kesilapan surat-surat beranak di Negeri Johor sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, hanya terdapat sebilangan kecil sahaja permohonan yang prosesnya memakan masa yang agak lama. Kelewatan adalah disebabkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen sokongan yang dikemukakan tidak lengkap dan pemohon terpaksa dihubungi beberapa kali.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

#### DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan

Anggaran Pembangunan, 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keempat).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sedang menimbangankan Anggaran Belanja Mengurus untuk Maksud B.23 dan juga Anggaran Pembangunan di bawah Maksud P.23 untuk Kementerian Wilayah Persekutuan. Dan saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan menyambung jawapannya.

*Maksud B.23 (Jadual)—*

*Maksud P.23 (Anggaran Pembangunan, 1982)—*

*3.38 ptg.*

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Pengerusi, saya pohon izin memberi jawapan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kepada perbahasan mengenai belanjawan Kementerian ini yang berlangsung semalam.

Terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai keadaan banjir di Wilayah Persekutuan dan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap mengenainya ialah Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Yang Berhormat dari Ulu Trengganu dan Yang Berhormat dari Kuala Muda.

Projek perparitan di Wilayah Persekutuan adalah dibiayai dari sumber-sumber berikut:

- (i) Peruntukan langsung dari Kementerian Wilayah Persekutuan.
- (ii) Peruntukan dari Dewan Bandaraya.

✓ Dalam tahun 1982, peruntukan asal yang telah diperuntukkan adalah sebanyak \$700,000. Dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Bilangan 1/81 telah diberi peruntukan tambahan sebanyak \$300,000 lagi menjadikan jumlahnya sebanyak \$1 juta.

Peruntukan ini adalah pemberian langsung dari Kerajaan Pusat, manakala peruntukan yang dibiayai sendiri oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah sejumlah \$9,753,500. Sungguhpun begitu sebanyak \$3 juta peruntukan tambahan dan pindahan telah diperuntukkan kepada projek perparitan bagi tahun 1982, yang mana peruntukan itu perlu diberikan bagi mengatasi masalah banjir. Projek ini telah dilaksanakan oleh dua agensi seperti Jabatan Parit dan Taliair, Persekutuan dan Jabatan Parit dan Taliair, Dewan Bandaraya, manakala peruntukan tambahan yang diluluskan bagi belanjawan tahun 1982 adalah sebanyak \$2,450,000. Peruntukan tambahan ini adalah dipindahkan dari projek-projek tambahan Bekalan P.24 dan P.K.20 bagi jalan-jalan dan jambatan yang boleh ditangguhkan perlaksanaannya sehingga Kajian Separuh Penggal. Sungguhpun begitu peruntukan \$10 secara token yang dinyatakan dalam Anggaran Belanjawan 1982 bermaksud projek-projek tersebut adalah masih berjalan. Peruntukan tambahan akan diberikan kemudian semasa kajian tahunan projek dibuat dalam bulan Februari 1982. Keutamaan ini adalah bergantung kepada keutamaan projek-projek dan kawasan-kawasan strategi yang mana telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Peruntukan yang dibiayai oleh Dewan Bandaraya bagi projek ini pada tahun 1982 adalah sebanyak \$9,993,600.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Ahli Yang Berhormat dari Panting dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah menyentuh bersabit dengan Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan dari segi peningkatan pegawai-pegawai ugama, aduan-aduan bahawa terdapat majikan-majikan tidak membenarkan pekerja Islam menunaikan sembahyang Jumaat, syor-syor supaya lebih banyak lagi dibina masjid dan surau, buku-buku ugama untuk diedarkan kepada umum termasuk di hotel-hotel, mencegah kemungkaran dan Undang-undang Pentadbiran Syariah Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai-pegawai ugama telahpun diberi kursus-kursus untuk peningkatan mutu perkhidmatan mereka dan lebih banyak lagi pegawai-pegawai akan dihantar mengikuti kursus dari semasa ke semasa.

Jabatan Agama Islam ada menerima aduan bersabit dengan majikan yang tidak membenarkan pekerja-pekerja Islam menunaikan sembahyang Jumaat dan perkara ini dapat diatasi dengan adanya perjumpaan-perjumpaan di antara pegawai-pegawai Jabatan Agama berkenaan dengan majikan memberi penerangan di atas perkara tersebut dan perjumpaan seumpama ini memang diaturkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Agama Islam dan Majlis Kebangsaan Islam sedang menimbangkan perkara yang sama untuk diseragamkan dan diselesaikan secara peraturan.

Adalah menjadi dasar Majlis untuk menambah binaan masjid-masjid dan surau-sarau dengan secukupnya bagi keperluan umat Islam dalam Wilayah Persekutuan. Dalam usaha ini Masjid Bangsar dan Damansara akan siap dibina pada awal tahun 1982 dan banyak lagi masjid-masjid dan surau-sarau akan dibina dalam tahun yang sama. Jabatan Agama Islam ada mengeluarkan buku-buku kecil agama secara percuma, diedarkan kepada orang ramai melalui Jabatan-jabatan Kerajaan, sekolah-sekolah, masjid-masjid dan surau-sarau.

Pandangan Yang Berhormat dari Kangar untuk menempatkan buku-buku ugama di bilik-bilik hotel boleh dipertimbangkan. Sungguhpun Jabatan Agama Islam menekankan usaha-usaha ke arah amal makruf namun usaha-usaha bagi nahi munkar tidak ditinggalkan. Usaha mencegah kemungkaran dijalankan di bawah Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah di mana pada masa ini Unit Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama pihak Polis dan juga pihak Penguatkuasa Dewan Bandaraya menjalankan serbuan-serbuan ke tempat-tempat maksiat dari semasa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat dari Panting, Unit Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ada petugas-petugas yang menjalankan tugasnya sehingga jam 12.00 malam.

Menyentuh soal Undang-undang Pentadbiran Syariah bagi Wilayah Persekutuan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun pada mulanya pentadbiran Islam bagi Wilayah Persekutuan ini menggunakan

Pentadbiran Undang-undang Syariah bagi Negeri Selangor tetapi undang-undang khusus untuk Wilayah Persekutuan sedang digubal dan dalam peringkat semakin semula sebelum ia dibentangkan ke Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu dan Sungai Besi telah menyentuh mengenai ruang niaga, penjaja dan Pasar Borong. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya telah membina 4,980 unit ruang niaga kepada penjaja-penjaja kecil daripada tahun 1970 sehingga tahun 1980 untuk menampung 16,819 penjaja berlesen di mana 22.2% telah ditempatkan di dalam bangunan-bangunan tetap, 72.3% di luar bangunan dan 5.5% penjaja bergerak. Langkah yang akan diambil dalam Rancangan Malaysia Keempat di mana 23 tempat-tempat perniagaan yang merupakan kompleks-kompleks perniagaan, kedai-kedai dan gerai-gerai, pasar akan didirikan yang menelan perbelanjaan sebanyak \$35.8 juta. Pasar-pasar dan gerai kecil juga akan didirikan di kawasan-kawasan perumahan swasta yang telah dizonkan sebagai pusat penjaja kecil. Lesen-lesen baru dikeluarkan di mana jumlah penjaja akan bertambah kepada 26,925 orang pada akhir tahun 1990.

Berhubung dengan Pasar Borong pula, tujuan perlaksanaan Pasar Borong baru di Selayang sebanyak 723 unit adalah untuk mengatasi kesesakan lalu-lintas, mengawal kebersihan, menempatkan semula 475 penjaja-penjaja Pasar Borong Jalan Maxwell dan memberi peluang kepada penjaja-penjaja borong bumiputera yang baru.

Mengenai kawalan penjaja dan penjagaan pasar, langkah berikut sedang diambil:

#### *Kawalan Penjaja*

- (1) Kawalan dari segi pengeluaran lesen selaras dengan Undang-undang Kecil Penjaja, 1979. 11 jenis tempat yang telah ditentukan di mana tidak boleh diadakan perniagaan secara berjaja. Di semua jalan-jalan utama dan jalan-jalan masuk ke Bandaraya juga tidak dibenarkan untuk dijadikan tempat berjaja.

- (2) Kawalan dari segi operational, Wilayah Persekutuan dibahagikan mengikut zon, diadakan rondaan, diadakan kawalan-kawalan sistematik dan kawalan-kawalan statik, juga diadakan operasi-operasi.
- (3) Tentang penguatkuasaan, Pihak Penguatkuasa sentiasa memberi nasihat dan amaran kepada pihak penjaja yang menjalankan perniagaan supaya mematuhi kepada peraturan-peraturan terutama peraturan kebersihan. Tindakan undang-undang yang mengenakan kompaun kepada mereka yang membuat kesalahan telah juga dibuat. Begitu juga tangkapan-tangkapan telah juga dilakukan di mana sahaja didapati adanya kejadian-kejadian yang melanggar undang-undang yang telah dilakukan oleh pihak penjaja-penjaja.

Walaupun tindakan-tindakan ini diambil, namun pihak Bandaraya sentiasa berhati-hati dan sentiasa berjaga-jaga supaya tindakannya itu tidak keterlaluan dan tidak sangat merugikan penjaja-penjaja yang sedang mencari nafkah melalui berniaga secara berjaja itu. Walau bagaimanapun pihak penjaja mestilah memahami bahawasanya jika sekiranya mereka ingin terus berjaja maka peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Dewan Bandaraya itu mestilah dipatuhi dan janganlah pula mereka berjaja di kawasan-kawasan yang akan menjadikan kesesakan lalu-lintas dan juga janganlah pula ada kegiatan-kegiatan yang menyebabkan pembuangan-pembuangan sampah dengan tidak teratur dan yang membuatkan kawasan itu menjadi kotor dan busuk.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyoal tentang kemudahan sosial. Pihak Kementerian sedang melaksanakan berbagai kemudahan sosial untuk masyarakat. Di antara projek-projek itu ialah taman orang ramai (public parks) seperti Tasik Perdana, Tasik Titivangsa, taman-taman kecil neighbourhood parks seperti di kawasan-kawasan perumahan. Untuk memberikan lebih banyak kemudahan sosial, beberapa lagi taman orang ramai akan diadakan di kawasan pinggir bandar seperti di Bukit Kiara dan di Kampung Konggo, Cheras.

Juga sedang dilaksanakan ialah di kawasan Bank Bumiputra. Adalah juga menjadi dasar Kementerian bahawa dalam kawasan-kawasan perumahan, kemudahan-kemudahan sosial seperti gelanggang sukan, dewan serbaguna dan taman kanak-kanak diadakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, juga Ulu Muda menyentuh tentang setinggan. Kementerian sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah setinggan. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah menempatkan semula setinggan. Bagi kawasan-kawasan setinggan yang telah sedia ada (established) kemudahan-kemudahan asas diberikan iaitu kemudahan-kemudahan asas seperti paip umum, bekalan elektrik, jalan kecil, parit kecil dan jambatan, juga dewan atau balairaya.

#### *Penguatkuasaan Undang-undang Terhadap Setinggan*

Dalam usaha untuk mengawal pertumbuhan setinggan baru, Pasukan Penguatkuasaan Perumahan Setinggan meronda dari kawasan ke kawasan terutama di kampung-kampung, di kawasan-kawasan di mana terdapat banyak kampung-kampung setinggan. Mana-mana bangunan baru dibina yang dijumpai akan diambil tindakan untuk merobohnya. Di samping meronda dari semasa ke semasa, Pasukan Penguatkuasaan ini juga menerima laporan-laporan, aduan-aduan daripada orang ramai. Setiap laporan aduan itu akan disiasat dan seterusnya diambil tindakan.

Jumlah rumah-rumah setinggan baru yang telah dirobuhkan ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1978	144 buah
1979	361 buah
1980	271 buah
1981 (sehingga September)	246 buah

Tentang perpaduan masyarakat pula iaitu satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, sukalah saya memaklumkan bahawa langkah-langkah

untuk mewujudkan perpaduan sedang dilaksanakan oleh Majlis Perhubungan Masyarakat dalam Wilayah Persekutuan ini. Majlis Perhubungan Masyarakat Wilayah Persekutuan adalah ditempatkan di bawah pengawasan dan pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri. Projek-projek pertemuan masyarakat sedang dilaksanakan seperti mengadakan perlawanan-perlawanan sukan, permainan rakyat dan majlis-majlis suai-kenal sepanjang tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah membangkitkan satu perkara yang begitu menarik iaitu yang berhubung sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan bagi memelihara tempat-tempat yang bersejarah seperti tempat di mana bendera British diturunkan dan bendera Malaysia dinaikkan pada malam sebelum perisytiharan Merdeka diumumkan dan juga tentang Bangunan Parlimen yang pertama dan Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka yang pertama.

Tentang cadangan yang difikirkan sangat elok ini pihak Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengemukakan kepada Muzium Negara supaya ia mengkaji semuanya ini dan di mana sesuai maka bolehlah diwartakan sebagai bangunan-bangunan perlu dipelihara seperti diperuntukkan oleh Akta Benda Purba 1968 dan 1976. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$16,230,000 untuk Maksud B. 23 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$16,230,000 untuk Maksud B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$203,373,820 yang disebutkan dalam Maksud P. 23 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$203,373,820 untuk Maksud P. 23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1982.

*Maksud B. 24 (Jadual)—*

*Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1982)—*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil perbincangan dalam Maksud B. 24 dan P. 24 di bawah Kementerian Perusahaan Utama, sekarang terbuka untuk perbincangan. Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebelum melanjutkan ucapan, saya menghadkan tiap-tiap seorang berucap tidak melebihi 20 minit.

3.52 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya akan mengambil bahagian di bawah muka halaman 177, Butiran 1100, Program (2) Perhutanan iaitu (b) Pengurusan Sumber Hutan.

Tuan Pengerusi, saya di sini hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini khasnya Kementerian Perusahaan Utama bahawa baru-baru ini satu arahan (directive) telah dikeluarkan oleh Jabatan Hutan Negeri Melaka yang memberi notis kepada semua kilang-kilang perabot, kilang-kilang kayu dan papan untuk membayar lesen dari \$20 ke \$50 dan juga bayaran dikenakan kepada tiap-tiap motor atau mesin yang dipasang di kilang-kilang yang tertentu sebanyak \$10 tiap-tiap satu.

Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh industri-industri yang kecil ini umpamanya di negeri Melaka mereka telah menghadapi satu dilema di mana melebihi 120 ahli daripada persatuan kilang perabot dan kilang papan ini terpaksa membayar \$500 hingga \$800 sebagai bayaran tambahan. Saya merasa terperanjat apa sebabnya bayaran lesen dan bayaran mesin ini dikuatkuasakan mulai tahun 1979. Ini nampaknya adalah bercanggah dan melanggar dengan dasar Kerajaan Pusat yang bertujuan untuk menggalakkan lebih banyaknya kilang-kilang kecil dan small-scale industries ditubuhkan supaya rakyat bolehlah menyertai pembangunan ekonomi negara kita dengan

lebih cergasnya. Tetapi keputusan yang dibuat oleh Jabatan Hutan Negeri Melaka ini nampaknya adalah sangat-sangat seriusnya menjejaskan kehidupan dan perusahaan kecil ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama bolehlah mengarahkan satu tindakan yang segera untuk menyasat perkara ini supaya keputusan untuk menaikkan bayaran lesen dan bayaran kepada tiap-tiap mesin atau motor yang dipasang ini bolehlah ditarik balik sebagai langkah yang insentif untuk menggalakkan dan memberansangkan perusahaan kecil di negeri Melaka khasnya di dalam bidang kilang perabot, kilang papan dan kilang kayu. Ini adalah satu rayuan yang diminta perlu disampaikan kepada Dewan yang mulia ini kerana tarikh yang terakhir ialah pada 30hb November. Saya harap Kementerian Perusahaan Utama bolehlah mengarahkan Jabatan Hutan Negeri Melaka menarik balik keputusan ini yang dianggap adalah bercanggah dengan dasar pembangunan industri kecil di negara kita.

Perkara kedua juga adalah tertakluk di bawah Perhutanan yang ada kaitan dengan sumber hutan. Rotan adalah merupakan salah satu jenis sumber kekayaan di dalam perhutanan di negara kita.

Tuan Pengerusi, bila Belanjawan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 23hb Oktober, duti eksport sebanyak \$1,350 untuk satu ton tiap-tiap rotan yang dieksport yang dikenakan sejak 23hb yang lepas ini telah menjejaskan kehidupan sosio-ekonomi seramai 10,000 kaum pekerja dan pengusahapengusaha khasnya boleh dikatakan 100% daripada kaum Melayu dan orang Asli. Saya telah mengadakan satu dialog dengan semua perwakilan dari seluruh Malaysia khasnya dari Kelantan, Kedah, Perlis, Pahang dan jauh hingga ke Trengganu. Mereka telah menyuarakan bahawa duti eksport ini tidak realistik sehingga menjejaskan kehidupan mereka dan jika sekiranya duti eksport sebanyak \$1,350 untuk satu ton ini tidak dikaji semula atau dihapuskan, ianya akan mengakibatkan sebanyak 10,000 orang kaum pekerja yang terdiri dari kaum Melayu dan orang Asli akan mengalami masalah pengangguran. Beberapa telegram telah dihantar kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri dan satu dailog juga diadakan di antara perwakilan Persatuan Rotan Malaysia dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dengan saya bahawa beberapa masalah telah dibangkitkan supaya Kerajaan boleh menimbang semula kerana rotan seperti rotan tanah, rotan merah, rotan marau, rotan jarayan dan rotan lakan dan pasung adalah tidak sesuai digunakan oleh negara ini. Hanya rotan marau adalah sangat-sangat diperlukan oleh keperluan tempatan. Ia menyertai 80% jenis rotan yang tidak sesuai digunakan di Malaysia ini jika tidak boleh dieksport. Ini bererti rotan ini akan dijadikan satu bahan yang sia-sia sahaja dan juga akan mengakibatkan bahawa perusahaan rotan ini akan bankrup. Sekarang ada melebihi 30 kilang kecil yang memproses rotan ini sedang menghadapi satu masalah yang akan menutupi kilang mereka.

Tuan Pengerusi, kadar duti eksport yang digunakan sekarang adalah sangat tidak realistik. Saya memberi satu contoh, bila satu lori membawa rotan untuk dieksport melalui Kastam Johor Bahru yang bernilai \$4,000 duti eksport yang dikenakan ialah melebihi \$10,000. Sebagaimana wakil dari Trengganu dan Perak menyuarakan bahawa jika sekiranya keadaan ini diteruskan bagaimanakah mereka hanya survive atas dasar duti eksport yang baru-baru ini dikenakan. Saya sendiri sudah menghantar sepucuk telegram kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tindakan segera boleh diambil kerana perkara ini sekiranya dilanjutkan melebihi dua minggu ertinya kesemua rotan-rotan yang diambil dari hutan tidak boleh disimpan melebihi dua minggu. Kalau melebihi dua minggu ianya akan menjadi rotan yang rosak maka sumber pendapatan orang Asli dan orang-orang Melayu yang bergantung pada rotan ini akan menghadapi satu masalah yang serius khususnya di antara pengusaha kilang-kilang yang memproses rotan yang terdiri dari kaum yang lain nampaknya satu perselisihan faham dan misunderstanding telah berlaku. Nampaknya mereka ingat kilang-kilang ini enggan membeli rotan-rotan daripada satu kaum. Sebab itu saya harap dari sensitiviti, perkara ini perlulah diberi perhatian untuk mengatasi masalah yang berpunca dari kenaikan duti eksport rotan ini.

Saya harap Kementerian Perusahaan Utama boleh bertindak segera dan bertindak SOS dengan Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya cukai eksport yang dikenakan ke atas rotan pada 23hb Oktober, 1981 bila belanjawan dibentangkan bolehlah dihapuskan dengan segera kerana pada 5hb, Persatuan telah menghantar satu memorandum kepada Kerajaan di mana saya memberitahu kedudukan yang sebenarnya di mana di—

Perak .. ..	20,000	orang Melayu dan orang Asli terlibat.
Pahang .. ..	2,600	orang terlibat.
Kedah .. ..	500	
Kelantan .. ..	1,600	
Johor .. ..	450	
Negeri Sembilan ..	560	
Perlis .. ..	50	
Trengganu .. ..	350	
Selangor .. ..	300	

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, masalah ini sangatlah serius kerana saya telah diberitahu bahawa rotan ini langsung tidak boleh disimpan melebihi 10 hari dan bagaimana sekumpulan besar kaum pekerja khususnya Orang Asli yang berpendapatan rendah yang hanya bergantung sebulat-bulatnya kepada sumber pendapatan rotan ini untuk survive. Maka satu perkara yang tidak diinginkan sedang berlaku di antara orang yang membeli rotan dan orang yang menebang rotan untuk dijual khususnya di Trengganu, Perak dan Pahang. Saya bagi pihak 10,000 orang pekerja Melayu dan Orang Asli dan pengusaha-pengusaha rotan ini berharap dan merayu supaya Kerajaan boleh menghapuskan cukai eksport yang dikenakan ke atas rotan.

Memang rakyat yang terlibat dalam perusahaan rotan ini adalah menyokong sepenuhnya dasar Kerajaan untuk menggalakkan rakyat jelata dan negara kita menggunakan rotan untuk diproses dan diperkilangkan sebagai barang untuk dieksport. Tetapi adakah Kerajaan sedar sehingga hari ini tidak ada skilled manpower untuk memproses dan membuat barang ini untuk dieksport maka terpaksa rotan-rotan

yang berjenis umpamanya dari saya nyatakan itu Tasung, Malar, Tacan, Tanah Merah ini hanya boleh dieksport ke Hong Kong, Taiwan, Jepun dan Eropah kerana negara-negara yang maju ini adalah mempunyai skilled manpower untuk membuat perabut atau barang-barang yang dianggap sangat halus yang dibuat daripada raw material, rotan.

Tuan Pengerusi, saya adalah mewakili sepenuhnya kerana saya diamanahkan dalam satu perjumpaan besar terdiri daripada seluruh Malaysia di mana satu dailog diadakan di negeri Melaka dan juga satu dailog di adakan dengan Kementerian Kewangan. Saya harap perkara ini perlulah dipertimbangkan dengan segera. Saya tidak mahu melihat mereka akan menghadapi kerugian besar baik dari segi kewangan, dari segi kehidupan khususnya Orang Asli sebagai saudara kita di dalam hutan ini.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh mengenai getah dan lain-lain bahan antarabangsa dan penyelidikan.

**Tuan Pengerusi:** Muka berapa Yang Berhormat?

**Tuan Chan Teck Chan:** Muka 177, Program (1). Memang saya mengucapkan syabas bahawa segala usaha dan langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga komoditi khususnya getah yang sedang merosot harganya baik di peringkat antarabangsa dan di peringkat kebangsaan, iaitu peringkat negara kita. Saya fikir Kerajaan Malaysia kita perlulah berikhtiar mencari jalan-jalan lain supaya kita jangan hanya bergantung kepada pasaran tradisi sahaja, kepada negara-negara yang selama ini membeli dan menggunakan bahan-bahan komoditi yang dikeluarkan oleh negara kita. Jika sekiranya kita boleh berusaha melalui perhubungan diplomatik secara rasmi atau tidak rasmi kalau pasaran baru boleh dicari, atau diadakan atau ditambah tentunya dia akan memperbaiki prospek pasaran komoditi kita di dunia.

Kalaulah bahan-bahan ini ada dikeluarkan di negara kita maka adalah wajarnya bagi negara Malaysia sebagai negara yang merdeka, yang berdaulat ini untuk menetapkan harga bahan-bahan keluarannya

sendiri. Walaupun kita ada buffer stock, tetapi sejauh manakah buffer stock ini sudah memainkan peranannya untuk menstabilkan harga getah kita. Kerana jangan lupa sebahagian besarnya pekebun-pekebun kecil getah adalah terdiri daripada penduduk-penduduk yang miskin di masyarakat luar bandar. Jika masalah ini tidak diperbaiki mungkin ianya akan membawa satu kesan yang buruk sekali dari segi politik dan juga dari segi ekonomi.

Oleh itu, saya adalah mencadangkan bahawa kita perlu memecahkan sistem monopoli yang selama ini yang kita lihat yang diamalkan di pasaran antarabangsa. Biarlah kita berusaha mencari partner yang baru dalam commercial world supaya kita tidak akan lagi selalu dipermain-mainkan oleh negara-negara yang tertentu; bila dia suka, dia membeli terus, jika tidak suka pandang muka Malaysia langsung tidak mahu membeli, seperti mana yang kita nampak selama ini. Nampaknya dari kepentingan ekonomi negara kita, saya adalah mendesak Kerajaan cubalah berusaha melalui perhubungan diplomatik baik secara rasmi atau tidak rasmi sepertimana kita boleh melihat bagaimana negara-negara Arab melalui strategi minyaknya sebagai alat yang berkesan, untuk mengubah nasib ekonomi dan nasib politik masa depan mereka.

Saya bukan kata kita hendak jadi satu cartel di Malaysia, sekurang-kurangnya saya fikir sudah sampai masanya negara kita mempertimbangkan lain-lain strategi yang baru, yang lebih berkesan yang boleh mengubah corak sistem ekonomi kita yang hanya selama ini bergantung kepada pasaran tradisi di mana komoditi selalu dieksport dan dijual.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.06 ptg.

**Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian ini dan menyentuh B. 24 muka surat 177, Butiran 1100, tajuk—Gaji dan Upahan, Program (1) (a) Pentadbiran Am, Pasaran bahan utama dan bahan utama lainnya.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa Amerika Syarikat telah menolak untuk menandatangani Perjanjian Timah Antarabangsa yang ke-6. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian telah merancang satu dasar untuk mengatasi keadaan tersebut. Dengan penolakan perjanjian tersebut bermakna Amerika Syarikat tidak terikat dengan apa-apa keputusan yang dibuat oleh pengeluaran-pengeluar bijih timah.

Oleh kerana masih banyak timah dijual melalui pasaran di London dan Singapura saya mencadangkan supaya Malaysia mengambil inisiatif dalam menjual timah secara terus. Dengan demikian, saya rasa kita dapat mengawal kedudukan timah di pasaran dunia dan harga timah dapat distabilkan dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan perkara ini kerana setelah membaca satu laporan dalam akhbar "*The New Straits Times*" pada 6hb November, 1981 di atas tajuk, dengan izin, "Mysterious buying of tin" di dalam keadaan ini Malaysia mendapat keuntungan, memandangkan harga tin meningkat. Apa yang saya rasa takut pula kalau ada berita yang bertajuk, dengan izin, "Mysterious selling of tin".

Di dalam keadaan ini bukan sahaja Malaysia akan rugi, kerana kejatuhan harga malah pengeluaran-pengeluar tin juga akan terjejas. Di sini mungkin timbul syak wasangka di antara pengeluaran-pengeluar timah. Jadi saya berharap sekiranya Perjanjian Timah Antarabangsa yang ke-7 akan diadakan, delegasi Malaysia patut membangkitkan perkara ini di dalam mesyuarat tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara adalah mengenai permintaan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan royalty tin dari 10% kepada 20% adalah agak berat kerana di Malaysia ada negeri yang kaya dan ada negeri yang miskin. Dan satu negeri yang kurang maju yang saya tahu adalah Kedah boleh dikatakan negeri yang kurang maju kerana sumber timah tidak banyak tetapi kita kena ingat bahawa negeri Kedah membela atau menyara hampir seluruh penduduk di Malaysia dengan pengeluaran beras. Macam mana orang Kedah hendak kaya kerana satu kati beras harga 65 sen manakala satu paun tin berharga lebih kurang

\$15 berdasarkan pertukaran wang sterling 4.2%. Jadi kita patut sedar hakikat ini supaya negeri-negeri yang kurang maju dapat bergerak ke arah pembangunan melalui pemberian peruntukan-peruntukan yang lebih dari Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan dapat memberi peruntukan kepada negeri-negeri yang kurang maju sekiranya ia mempunyai sumber kewangan yang memuaskan. Jadi, saya berpendapat bahawa permintaan dari Kerajaan Negeri untuk meningkatkan royalty tin tidak begitu berfaedah. Ini pendapat saya. Walau bagaimanapun, saya berharap satu kajian teliti dibuat oleh pegawai-pegawai di Kementerian ini mengenai hal tersebut.

Tuan Pengerusi, menyentuh B. 24, muka surat 177, Butiran 1100, Program (1)(d) Getah dan Lain-lain Bahan Antarabangsa dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, pembahagian jenis pekerjaan masih belum dapat disusun semula lagi. Kalau estet getah dapat dikatakan pekerja-pekerjanya adalah dari golongan India Malaysia. Melalui kegiatan RISDA, saya kira kaum bumiputera telah berkecimpung dalam perusahaan getah melalui program pekebun-pekebun kecil tetapi saya berpendapat bahawa penyertaan kaum bumiputera dalam bidang perlombongan terutama sekali di negeri Perak masih berkurangan. Kenapakah perkara ini berlaku? Adakah kaum bumiputera tidak mampu menjalankan pekerjaan ini atau adakah kaum bumiputera tidak berusaha, ataupun tidak dapat membuat atau tidak berminat atau adakah kaum bumiputera tidak diberi peluang. Ini adalah beberapa soalan, saya sungguh merakutkan. Jadi dengan peruntukan sebanyak \$676,600 saya berharap satu penyelidikan dibuat mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada B. 24 muka surat 177, Butiran 1100 Gaji dan Upahan, Program (2) Perhutanan, (a) Dasar dan Pentadbiran.

Saya bersetuju dengan pertambahan perbelanjaan dari \$721,500 pada tahun 1981 kepada \$757,000 pada tahun 1982. Tetapi saya ingin mencadangkan satu rombakan dibuat mengenai dasar dan pentadbiran Perhutanan. Pada masa sekarang nampaknya pihak negeri

mempunyai kuasa sepenuhnya dalam mengeluarkan konsesi balak.

Saya rasa keadaan begini akan menguntungkan hanya pihak-pihak tertentu. Jadi, mereka yang telah mendapat pelajaran dan latihan di bawah program (2) (e) akan merasa hampa kerana tidak diberi peluang untuk mempraktikkan apa yang dipelajari dan dilatih. Ada juga kemungkinan konsesi balak ini diberi kepada mereka yang berpengaruh dan juga atas balasan-balasan politik. Saya rasa dalam hal ini adalah lebih wajar apabila pihak negeri telah mengeluarkan atau telah memberi satu konsesi balak kepada seseorang atau sesuatu syarikat kelulusan ini akan tertakluk kepada keputusan di peringkat Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara di atas tidak menimbulkan apa-apa percanggahan dalam Perlembagaan, kerana Perkara 74 meletakkan Perhutanan dalam bidangkuasa negeri, manakala Perkara 94 (1) memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan melalui pegawai-pegawainya memberi nasihat profesional yang akan mengikat pegawai-pegawai di peringkat negeri.

Saya mengesyorkan perkara ini, kerana saya lihat keadaan politik makin lama makin mencabar dan peranan mass media di peringkat Persekutuan lebih berkesan dari peringkat negeri. Ini bermakna banyak perkara-perkara yang tidak diinginkan dapat didedahkan secepat mungkin. Jadi, saya rasa adalah elok kiranya Kerajaan Persekutuan mempunyai suara dalam hal pemberian konsesi balak. Saya rasa dengan berbuat begini akan memberi peluang kepada orang ramai khususnya pengusaha-pengusaha bumiputera yang berpengalaman berkecimpung dalam perniagaan balak. Cara ini juga dapat menyamai pengagihan sumber negara dengan cara yang lebih berpatutan.

Tuan Pengerusi, menyentuh Program (2) (b) Pengurusan Perhutanan.

Pada masa sekarang orang ramai kurang mengetahui tentang kejayaan yang dicapai di dalam menanam semula sumber perhutanan negara ini iaitu adalah kita berjaya menanam semula apa yang telah diambil dari sumber perhutanan atau setakat manakah kita telah berjaya menanam semula hasil-hasil

perhutanan kita. Dengan pertambahan ini peruntukan sebanyak \$189,400 bagi Gaji dan Upahan di bawah Program (2) (b), saya berharap pihak Kementerian dapat menyiapkan satu laporan tahunan yang meliputi kedudukan sumber perhutanan di semua negeri di Malaysia di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sedang melihat satu era di mana pembersihan dari kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan menjadi faktor utama. Jadi, laporan yang sedemikian dapat dijadikan satu asas bagi rakyat Malaysia merujuk dan mengetahui tentang kedudukan sumber perhutanan.

Laporan ini juga harus menyatakan kepada siapa konsesi diberi dan bagaimanakah kedudukan equiti dalam sesebuah syarikat yang telah mendapat konsesi balak. Laporan ini juga dapat dijadikan satu check and balances untuk memerhati keadaan yang lazim dalam masyarakat kita di mana yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Kalau keadaan seperti ini dibiarkan berterusan, sampai bila pun apa yang diukir dalam Dasar Ekonomi Baru mengenai penyusunan semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan tidak akan tercapai.

Tuan Pengerusi, saya juga sedar pihak Kementerian berkenaan mungkin menjawab bahawa laporan seperti ini tidak dapat dibuat kerana sumber perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi dari segi penggunaannya saya rasa sumber perhutanan seharusnya dibuat di bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, saya berharap pegawai-pegawai di Kementerian ini akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai di peringkat Negeri untuk memulihkan keadaan pemberian konsesi balak yang tidak begitu teratur. Di sini juga saya ingin mengesyorkan supaya pegawai-pegawai di Kementerian ini menyiapkan satu dasar mengenai perkara-perkara yang harus diambil kira sebelum sesuatu konsesi dikeluarkan. Dasar seperti ini patutlah dihantar di semua negeri yang menjalankan perusahaan balak.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada B. 24, muka surat 177, Butiran 1100, Tajuk—Gaji dan Upahan, Program 4 (b) Cawangan dan Siasatan Galian. Kita sedar

bahawa galian terutama bijih timah sedang giat diusahakan di beberapa negeri di Malaysia dan kita juga telah mendengar tentang kejadian tanah runtuh (land slide) yang sering berlaku di musim hujan. Kadangkala bila nyawa tidak terlibat tidak menimbulkan banyak masalah tetapi setelah kejadian di Puchong dan kemudian seminggu selepas itu di Perak, sebilangan manusia telah terkorban, kerana perkara itu berlaku barulah kita tergesa-gesa membuat siasatan. Pada masa ini kita tidak hirau lagi perkara sedemikian, saya rasa ini adalah satu sikap yang kurang baik kata pepatah: sudah terhantuk baru tengadah, adalah satu cara pengajaran dan di mana kemungkinan nyawa terlibat. Jadi untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh berulang saya berharap pihak Cawangan Siasatan sentiasa dalam berjaga-jaga, terutama sekali di dalam musim hujan dan keluar menyiasat bahawa dalam erti kata siasatan yang teliti di kawasan-kawasan perlombongan di bawah bidang kuasanya. Siasatan sahaja tidak mencukupi, pegawai berkenaan juga mesti menegur syarikat-syarikat perlombongan mengenai kawasan-kawasan yang merbahaya dan menyuruh majikan syarikat tersebut mengeluarkan satu kenyataan kepada pekerja-pekerja ini tentang kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, majikan berbuat demikian bererti majikan akan adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas nasib pekerja-pekerja dan juga tanggungan-tanggungan kakitangannya. Pegawai-pegawai Cawangan Siasatan Galian juga harus memeriksa bahawasanya majikan berkenaan telah mengambil insurans nyawa pekerja-pekerjanya dan kegagalan berbuat demikian bererti majikan melakukan satu kesalahan. Selain dari itu pegawai-pegawai berkenaan harus juga menyiasat sama ada kawasan perumahan yang berdekatan dan sama ada kegiatan melombong mungkin menjejaskan atau membahayakan kedudukan mereka di situ. Kita tidak harus mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi: tanah runtuh itu adalah satu kuasa Tuhan tetapi kita harus menyiasat dahulu dan meneliti semua kemungkinan barulah dapat kita katakan bahawa kejadian sedemikian tidak dapat dielakkan.

Saya memandang serius perkara ini berdasarkan dua sebab:

- (1) ada kemungkinan banyak lagi usaha perlombongan dijalankan memandangkan terdapatnya tembaga di negeri Kelantan dan Pahang; dan
- (2) negara kita ini kerap kali ditimpa hujan yang mengakibatkan tanah menjadi lembut.

Kedua-dua sebab ini menimbulkan risiko yang agak tinggi di dalam usaha perlombongan. Jadi saya syorkan cawangan ini diperbesarkan dan peruntukan diletakkan di masa yang akan datang, khususnya bertujuan untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja lombong.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedar penyiasatan yang teliti dapat dibuat dengan alat perkakas yang moden. Jadi saya menyokong pertambahan peruntukan sebanyak \$37,500 di bawah B. 24, muka surat 186, Butiran 3200, Tajuk—Kemudahan, Program 4 (b) dan B. 24, muka surat 86, Butiran 3300, Tajuk—Perabut dan Kelengkapan, Alat Kelengkapan dan Ternakan—Program 4 (b) di mana peruntukan ditambah sebanyak \$207,150.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Hulu Terengganu.

4.25 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Hulu Terengganu):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini, iaitu peruntukan Pembangunan dan peruntukan Perbelanjaan lain-lain.

Yang hendak saya cakapkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah muka surat 188, B. 24, ia itu peruntukan berjumlah \$26.7 juta untuk saham kepada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC).

**Tuan Pengerusi:** Ini muka surat 188, Butiran berapa Yang Berhormat?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Butiran 2, muka surat 188. Dan juga pinjaman sebanyak \$4.4 juta untuk Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad.

Tuan Pengerusi, saya hendak timbulkan di sini beberapa rayuan yang telah saya terima daripada pekerja-pekerja MARDEC yang nampaknya sejak ditubuhkan tidak memberi layanan yang memuaskan kepada pekerja-pekerjanya. Saya banyak sekali mendengar sungutan-sungutan daripada pekerja-pekerja MARDEC terutama yang ada di tempat saya, iaitu layanan bekerja tidak memuaskan, baik dari segi gaji, baik dari segi lain-lain imbuhan seperti saguhati, seperti cuti umum dan sebagainya dan juga kemudahan-kemudahan pakaian uniform dan sebagainya. Oleh kerana ada sungutan-sungutan seperti ini pihak saya telah memanggil pekerja-pekerja yang berkenaan untuk mengadakan satu dialog dengan mereka dan didapati daripada cerita-cerita yang sampai kepada saya, iaitu tidak ada penyelarasan nampaknya dari segi gaji kepada pekerja-pekerja MARDEC dari satu kilang ke satu kilang yang lain, daripada satu kawasan ke satu kilang MARDEC yang lain dan ini menimbulkan satu keadaan tidak senang di hati pekerja-pekerja pihak kilang perbadanan ini. Juga mereka tidak tahu keadaan status mereka yang sebenarnya, sama ada mereka dianggap sebagai kakitangan Kerajaan atau sebagai kakitangan daripada kalangan swasta.

Kalau dikirakan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad, maka sudah tentulah ini merupakan sebuah syarikat berhad dan tentunya barangkali mereka akan diberi layanan sebagai seorang pekerja daripada sektor swasta, namun demikian kalau pun mereka harus dilayan sebagai pekerja dari sebuah corporation, sepatutnya mereka dibayar gaji menurut kadar yang lazimnya dibayar oleh kalangan syarikat swasta yang ada pada masa ini yang mencerminkan keadaan kos penghidupan yang sebenarnya. Saya mendapat tahu setengah-setengah kakitangan, terutama wanitanya dibayar gaji \$2 lebih atau \$3 lebih sahaja sehari dan ini tentulah jauh lebih rendah daripada yang sepatutnya dibayar kepada pekerja-pekerja.

Tuan Pengerusi, saya berharap perkara layanan kepada pekerja-pekerja ini akan diberi perhatian yang serius oleh pihak Kementerian ini dan pihak Kementerian ini patut mengarahkan kepada MARDEC supaya membuat suatu dasar gaji yang menyeluruh bagi semua kilang-kilang

MARDEC yang terdapat di negara ini baik sekiranya di negeri saya di Trengganu ataupun di Melaka dan lain-lain negeri supaya tidak timbul perasaan iri hati antara pekerja-pekerja yang dibayar gaji yang rendah dan pekerja-pekerja di tempat lain yang menerima bayaran gaji yang lebih tinggi. Saya berharap perkara ini tidak benar tetapi kalau benar haraplah tindakan yang tegas diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan di sini ialah mengenai kilang MARDEC ini seperti yang kita tahu bau daripada kilang ini tidak begitu menyenangkan dan dalam keadaan-keadaan harinya yang tertentu apabila angin bertiup elok sampai tiga batu, empat batu pun boleh kita cium bau busuk daripada MARDEC ini. Malangnya siapa yang salah saya tidak tahu tetapi setengah-setengah kilang MARDEC didapati didirikan di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan tempat-tempat kediaman ataupun tempat-tempat di mana orang berkumpul.

Misalnya di kawasan saya kilang MARDEC ini didirikan tidak jauh daripada dua buah sekolah menengah dan tiga buah sekolah rendah, kalau tidak salah; jadi di situ terpaksa murid-murid belajar dengan menghidu bau busuk daripada kilang MARDEC itu setiap hari. Ini tentulah tidak baik untuk kesihatan anak-anak yang berkenaan.

Begitu juga kilang ini didapati sekarang hampir dengan asrama-asrama murid-murid ini yang terpaksa tidur di situ dan menghidu bau busuk selama 24 jam. Mungkin di tempat-tempat lain kilang-kilang MARDEC ini sudah dibina jauh daripada tempat-tempat kediaman tetapi seperti biasa apabila satu-satu faktor atau kilang didirikan, walaupun pada mulanya kilang itu didirikan jauh daripada tempat kediaman tetapi bila kilang itu didirikan maka orang ramai akan mendirikan rumah-rumah mereka berhampiran dengan kilang tersebut. Ini tidak boleh dinafikan dan tidak siapa dapat disalahkan tetapi kalau misalnya sudah tahu ada sekolah di situ dan ada asrama dan pihak MARDEC memilih untuk mendirikan kilangnya di situ juga kerana convenience, dekat dengan infrastructure dan sebagainya, maka sudah

tentu keadaan ini tidak patut dibiarkan berlaku.

Tuan Pengerusi, satu lagi mengenai kilang-kilang MARDEC ini, di tempat saya kilang MARDEC ini menjadi punca rezeki dan juga menjadi punca pollution. Apa yang berlaku kilang ini dibina di tepi sungai dan sungai itu mengalir ke bawah dan kira-kira dua batu atau satu setengah batu daripada tempat kilang itu disitulah air disedut untuk minuman seluruh penduduk di kawasan bandar Kuala Berang dan kadang-kadang bila air yang dibuka daripada paip itu masuk ke dalam gelas kita tengok berupa hancuran getah di dalam gelas. Ini bukan satu perkara yang boleh disenyumsenyumkan, Tuan Pengerusi, tetapi adalah satu perkara yang serius dan dapatlah pihak kilang MARDEC ini mencari ikhtiar dan mencari jalan supaya tidak membuang air-air kotor ke dalam satu sungai yang diminum dan akhirnya menjadi suatu punca pollution dan punca penyakit kepada penduduk-penduduk di sekitarnya.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya mohon apa yang saya timbulkan ini diberi perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kluang.

4.35 ptg.

**Tuan Lee Kaw (Kluang):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Kementerian Perusahaan Utama, Maksud Bekalan 24, Butiran 1100, Program (2) (a) Perhutanan dan (b) Galian.

Tuan Pengerusi, sebelum kita merdeka masa itu dalam Semenanjung Malaysia terus dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan ke atasnya kita sangat reserve kawasan balak. Oleh kerana Kementerian hari ini tidak ada satu dasar masa panjang, hari ini Melaka; akan datang Johor dan banyak tempat tidak ada balak-balak lagi.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu kuasa mengeluarkan kawasan concession hutan adalah di bawah kuasa Negeri-negeri tetapi jika kita tidak ada satu dasar bagi seluruh Malaysia, saya fikir tidak berapa lama lagi Malaysia bukan akan mengeluarkan balak

tetapi mengimport balak oleh kerana Tuan Pengerusi mesti tahu dalam dunia di Asia Tenggara kita, Malaysia termasuk pengeluar yang banyak sekali tropical hardwood.

Jika Tuan Pengerusi baca dalam P. 24, Butiran (Projek) 38 Forest Plantation di mana Kementerian akan membelanjakan dalam projek ini dalam masa lima tahun baru \$20 juta untuk Ladang Hutan (Forest Plantation).

Tuan Pengerusi mesti sedar pokok tropika ini mengambil masa 50 tahun hingga 100 tahun di mana boleh dikeluarkan balak dan mengambil masa 10 minit sahaja untuk memotong balak. Tetapi jika kita baru membelanjakan \$20 juta untuk Forest Plantation, ini tidak mencukupi. Nampaknya di Johor Tenggara banyak tempat yang sudah habis balak-balaknya, dia bukan menanam pokok-pokok tropical hardwood tetapi menanam pine trees sahaja. Ini tidak boleh digunakan untuk building material dalam building industry. Saya harap Kementerian yang berkenaan mesti ada satu pelan induk untuk seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Dukacita, dalam Maksud Pembangunan P. 24 ini, di mana Sabah tidak ada dalam forest reafforestation dan rehabilitation. Kita semua tahu balak-balak ini lebih dikeluarkan dari Sabah. Saya tidak faham kenapa tiada satu anggaran kepada projek-projek di Sabah, di sini. Saya harap Kementerian yang berkenaan boleh menjelaskan kenapa tidak ada wang untuk reafforestation dan rehabilitation di Sabah.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka mengambil peluang di sini menyentuh Butiran (Projek) 3 dan 5 di bawah muka surat 188. Butiran 3, Rancangan Penanaman Semula Nenas dan 5 Pusat Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit.

Tuan Pengerusi, dalam Semenanjung Malaysia kawasan yang banyak sekali ditanam nenas ialah di Johor dengan Pekebum kecil yang paling ramai dan golongan ini adalah menghadapi sesusahan oleh kerana kilang tidak menerima buah nenas oleh kerana tidak ada satu pasaran. Baru-baru ini sahaja kita dapat tahu bahawa Negeri Jepun tidak lagi membeli nenas dalam tin dari Malaysia kerana kuota telah habis.

Tuan Pengerusi, kita membelanjakan skim ini dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah kira-kira \$20 juta untuk menolong penanam nenas ini. Tuan Pengerusi, jika Kementerian yang berkenaan tidak mengambil tanggungjawab yang berat dan serius dalam mencari pasaran ini, saya fikir wang peruntukan tersebut tidak ada guna kita belanjakan jika tidak ada pasaran.

Tuan Pengerusi, mengenai butiran 5, Pusat Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit di mana projek ini ada peruntukan \$8.7 juta di mana tahun ini baru dibelanjakan \$3 juta dan tahun akan datang tidak ada peruntukan. Tuan Pengerusi, kita patut sedar bahawa pada masa ini Malaysia boleh dikatakan satu negara pengeluar utama minyak kelapa sawit di mana tahun ini angka pengeluaran lebih daripada 2.5 juta tan lebih banyak berbanding dalam pengeluaran getah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini sangat sedikit wang diberikan untuk penyelidikan kelapa sawit. Kementerian berkenaan tidak menyedari dalam Malaysia ada beberapa syarikat swasta seperti Chemara Research, sebuah anak syarikat Guthrie, Socfin, Harrissons & Crossfield dan lain-lain, semua badan-badan ini ada bekerja untuk research, tetapi Kerajaan kita baru menyelidik melalui PORIM di Kluang, satu pusat yang kecil dan tidak cukup kakitangan dan nampaknya Kerajaan tidak mengambil berat untuk research kelapa sawit.

Saya cadangkan, Tuan Pengerusi, jika semua badan-badan ini seperti yang saya sebutkan tadi, Chemara Research, Harrissons & Crossfield, Socfin, United Plantation dan PORIM semua boleh berkumpul dan tumpukan research dalam kelapa sawit itu, saya fikir production boleh dinaikkan oleh kerana masa ini boleh dikatakan 90% jenis tanaman ini adalah jenis DXP, satu jenis sahaja. Jenis masa ini boleh dikatakan menghasilkan 5½ tan ffb (fresh fruit branch) mendapat 1 tan minyak kelapa sawit. Jika kita boleh kumpulkan semua badan ini dalam satu research dan boleh keluarkan jenis hasil yang lebih baik di mana 3 tan ffb boleh keluarkan 1 tan minyak kelapa sawit dan pekebun-pekebun kecil boleh mendapat keuntungan yang lebih.

Pada masa ini, di kawasan saya banyak pekebun kecil sangat susah, kadang-kadang tidak ada pasaran oleh kerana kilang-kilang tidak mencukupi. Saya tahu dalam Malaysia ini sebagaimana kenyataan dalam akhbar hari ini ada sebanyak 166 kilang memproses kelapa sawit di mana 90% ada di Semenanjung Malaysia, tetapi jika kita tengok lebih banyak kebun kelapa sawit dalam negeri Johor, khasnya di kawasan saya di mana kilang tidak mencukupi dan oleh kerana kilang tidak mencukupi, kilang-kilang itu boleh paksa harga pasaran turun seperti mana harga getah hari ini turun.

Saya harap Kementerian berkenaan boleh timbang pandangan saya, terutama untuk kumpulkan semua badan research mengenai kelapa sawit dalam satu badan, tidak payah ada competition oleh kerana saya difahamkan banyak syarikat itu pada masa dahulu ada di tangan British dan pada masa ini syarikat itu sudah dibeli oleh rakyat Malaysia, dan kertas-kertas research itu sudah diambil keluar daripada negara kita. Jika kita kumpulkan kesemuanya menjadi satu badan dan keluarkan satu undang-undang iaitu semua hasil-hasil penyelidikan itu adalah harta Malaysia, oleh kerana PORIM mempunyai sejarah yang sangat pendek sedangkan Chemara Research, Harrissons & Crossfield, Socfin, dan United Plantation sudah lama research paper mereka sangat mustahak kepada Malaysia.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Butiran 1100 Program (3) Galian—(b) Penguatkuasaan Undang-undang di muka surat 177. Saya nampak anggaran gaji pekerja tidak banyak pertambahannya. Saya tidak tahu adakah ini menunjukkan tambahan lebih banyak kakitangan. Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini oleh kerana Kementerian berkenaan tidak mengambil tanggungjawab yang berat. Pada tahun ini, pada bulan Mac yang lalu, berlaku satu kemalangan lombong di Puchong dan mengakibatkan banyak orang telah mati. Pada masa ini Menteri berkenaan melawat tempat itu oleh sebab ada satu kemalangan. Tetapi sehingga hari ini semuanya sudah senyap, tidak ada apa-apa aktiviti. Pada masa ini hujan dan pada masa akan datang dalam bulan November dan Disember ada

satu lagi monsoon season dan boleh jadi lombong-lombong ini pun akan berlaku seperti kes di Puchong.

**Tuan Pengerusi**, saya harap pegawai-pegawai yang menjaga lombong-lombong ini mestilah "go-on rounds" atau melihat, jangan sampai satu kemalangan berlaku baru pergi. Jika tidak cukup kakitangan boleh beritahu kita dan di dalam Dewan yang mulia ini kami boleh meminta Kementerian yang berkenaan tambah lagi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya tamatkan ucapan saya di sini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.52 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin memberi sokongan saya di atas peruntukan yang telah diberi di bawah Maksud B. 24 kepada Kementerian Perusahaan Utama dan saya ingin menyentuh di sini di bawah Butiran 1100, Program (1) (b) Ibu Pejabat Getah dan Lain-lain Bahan Antarabangsa dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini ada satu mesyuarat antarabangsa iaitu "North-South Dialogue" di Cancun, Mexico. Dan seperti kita maklum hasil dari dialog begini tidak ada sesuatu keputusan atau solusi yang boleh mengatasi masalah negara-negara yang sedang membangun dan juga masalah-masalah yang kita menghadapi di Malaysia.

Tuan Pengerusi, jika ada cara yang sesuai untuk mengadakan suatu economic order baru yang lebih adil untuk negara-negara developing termasuk negara kita ini, kita tidak berharap hasil dari cara ini boleh menolong kita di masa sekarang dan haruslah kita sendiri berdikari dan mencari cara-cara untuk menolong pekebun-pekebun kecil kita sekarang oleh kerana harga getah sekarang tidak langsung adil walaupun ada world recession.

Tuan Pengerusi, ini adalah oleh kerana sekarang ini ada manipulasi dari segi negara-negara membangun yang selalu tidak memberi pertimbangan dari segi sosial apabila mereka mengambil sesuatu langkah ke atas

harga bahan-bahan utama seperti getah. Oleh kerana itu kita haruslah mengkaji semula perhubungan kita dengan pasaran-pasaran tradisional kita dan mengadakan perhubungan-perhubungan baru, walaupun melalui "G-to-G", Kerajaan dengan Kerajaan, atau Kerajaan dengan Private Sector atau Private Sector dengan Private Sector di pasaran-pasaran baru untuk menstabilkan harga bahan-bahan utama kita khasnya, getah.

Tuan Pengerusi, saya juga tidak lupa mengucapkan syabas kepada Kerajaan kita yang telah bersungguh-sungguh mengambil tindakan yang serius dan dengan dedikasi berunding dengan Kerajaan-kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan yang menjadi traditional importers kita, tetapi monopoly forces ini ada kebolehan sangat besar atau formidable untuk manipulate harga bahan-bahan utama dan oleh kerana itu kita harus mencari pasaran-pasaran lain sebagai satu solusi untuk langkah jangka panjang. Tetapi untuk langkah pendek atau shot-term solution, saya ingin mencadangkan Kerajaan mengadakan satu rancangan untuk pekebun-pekebun kecil menanam cash crops bersamasama dengan pokok-pokok getah. Cash crops ini bolehlah dibawa ke pasaran tempatan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan seperti FIMA dan lain-lain. Ini boleh memberi hasil yang boleh dicapai dengan secepat mungkin.

Lagi satu cadangan untuk memberi pertolongan kepada pekebun-pekebun kecil apabila harga getah telah turun ialah untuk mengadakan satu Contingency Fund di mana pekebun-pekebun kecil dapat menyimpan wang itu atau contribute untuk fund ini apabila harga getah bagus atau di masa boom dan apabila harga tidak begitu stabil atau turun mereka boleh withdraw atau memohon bantuan melalui fund itu untuk mengatasi masalah semacam ini seperti kanak-kanak hendak pergi ke sekolah, membeli buku atau membeli makanan-makanan sehari ke sehari. Apabila fund ini ditubuhkan harus jugalah Kerajaan memberi peruntukan sebanyak "dollar for dollar" ataupun \$1 dengan \$1 melalui cess fund atau lain-lain tax atau hasil eksport yang kita dapat diuntukkan melalui eksport getah-getah ini dan wang ini juga bolehlah diinvest di dalam sesuatu sektor

ekonomi atau di dalam share market melalui saham nasional dan saya haraplah cara ini boleh dapat dikaji oleh Kerajaan kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kemaman.

5.00 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh muka surat 177, Maksud B. 24, Butiran 1100, Program (2) (b) Pengurusan Sumber Hutan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Utama kerana di dalam memelihara sumber hutan yang terdapat dalam negara kita ini di mana kita dapati bahawa dari hari ke hari sudah pun kehabisan, Kerajaan kita telah pun memperkenalkan satu sistem baru, sistem tebangan yang baru iaitu kita panggil Selective Management System ataupun sistem Tebangan Memilih. Jadi dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Keluang tadi saya rasa tidaklah benar yang mengatakan Kerajaan kita tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memelihara sumber hutan dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, dalam sistem ini saya dapati pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian ini telah pun menghadkan had tebangan, mengadakan satu polisi iaitu bagi pokok-pokok yang berdamar dibenarkan tebang 20 inci ke atas sahaja dan pokok-pokok yang tidak berdamar, kalau tidak silap saya, cuma 18 inci ke atas sahaja yang dibenarkan tebang dan sistem ini sudah barang tentu berbeza kalau hendak kita bandingkan dengan sistem yang lama iaitu Malayan Uniform System di mana tebangan kaum dilakukan secara tidak memilih bulu.

Tuan Pengerusi, dalam Program ini selain daripada Pejabat Hutan yang menguruskan masalah sumber perhutanan ini, ada juga agensi-agensi yang lain yang menjalankan pemeliharaan hutan ini iaitu Kompleks-kompleks Perkayuan. Tuan Pengerusi, pada hari ini kita dapati Kerajaan kita ataupun Kementerian Perusahaan Utama tidak memberi dasar yang khusus terhadap sistem

Tebangan Memilih ini. Ada setengah Kompleks-kompleks Perkayuan misalnya di negeri Trengganu diadakan dasar annual coupe ataupun diberi peruntukan ekar tahunan; 2,000 ekar misalnya, tetapi setengah Kompleks-kompleks Perkayuan yang lain, di Pahang misalnya, ia berdasarkan kepada tonnage, berdasarkan kepada jumlah tan ataupun berdasarkan kepada isipadu (volume). Ini telah kita dapat lihat bercanggahan di antara pengurusan oleh kompleks-kompleks yang terdapat dalam negara kita ini. Jadi saya berharap supaya untuk mengelakkan daripada kekeliruan, pihak Kementerian ini membuat pilihan sama ada hendak mengadakan dasar bergantung kepada isipadu pada tiap-tiap tahun ataupun berdasarkan kepada annual coupe iaitu bergantung kepada jumlah ekar yang mesti ditebang pada tiap-tiap tahun. Bagi saya, saya rasa lebih baik kita mengadakan annual coupe iaitu pada tiap-tiap tahun tetapkan jumlah ekar hutan yang boleh ditebang sebanyak 2,000 ekar dan seterusnya mengikut pusingan tebangan. Saya rasa dengan cara demikian dapatlah pihak pegawai-pegawai hutan yang bertanggungjawab merancang berhubung dengan masalah dalam Program yang saya maksudkan tadi.

Tuan Pengerusi, dalam Program ini juga yang saya ingin sentuh ialah masalah kakitangan di mana kita dapati dalam tahun 1981 jumlah kakitangan yang ada ialah 106 orang, tahun 1982 116 orang. Ini bermakna sudah bertambah cuma 10 orang sahaja. Jadi dalam Program ini sebagaimana yang kita ketahui oleh kerana ia baru sahaja diperkenalkan dalam negara kita ini, lebih kurang 5-6 tahun yang lepas, boleh dikatakan satu Program yang baru, jadi saya rasa jumlah pegawai yang diwujudkan bagi menjalankan usaha-usaha pengurusan sumber hutan ini saya fikir tidak mencukupi.

Saya berharap supaya pihak Kementerian ini tambahkanlah lagi pegawai-pegawai dengan memberi latihan-latihan yang cukup dan pegawai-pegawai ini terutama sekali pegawai-pegawai di peringkat penyeliaan hutan iaitu di mana yang melibatkan sistem Tebangan Memilih tadi. Saya berharap supaya pihak Kementerian akan menambahkan lagi jumlah kakitangan dalam Program ini.

Juga, Tuan Pengerusi, di bawah Program ini yang saya ingin sentuh ialah masalah Kompleks-kompleks Perkayuan yang menjalankan Sistem Tebangan Memilih ini. Mereka ini terpaksa menanggung perbelanjaan yang banyak misalnya mengadakan jalan-jalan untuk semua musim (all weather roads) dan juga mengadakan rancangan-rancangan lima tahun (five-year working plans) dan berbagai-bagai lagi. Mereka ini terpaksa menanggung perbelanjaan yang banyak dan saya rasa pihak Kementerian ini mestilah memberi galakan-galakan dari segi kewangan, misalnya kita kurangkan cukai cess kepada Kompleks-kompleks Perkayuan yang menjalankan Sistem Tebangan Memilih ini ataupun kalau tidak salah ingatan saya, pada tahun 1979 yang lepas di mana Kerajaan telah mengisytiharkan syarikat-syarikat perkayuan ataupun Kompleks-kompleks Perkayuan yang membelanjakan duit dengan banyak bagi menyelenggarakan pengurusan hutan dikecuali ataupun dikurangkan daripada cukai pendapatan. Jadi saya berharap supaya Kementerian ini mengambil perjalanan undang-undang ini ataupun kuasa ini hendaklah dikuatkuasakan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan demi untuk meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh Kompleks-kompleks Perkayuan yang saya maksudkan tadi.

Tuan Pengerusi, muka surat 189, Projek 35, Maksud P. 24—Penyelidikan dan Pembangunan Kayu.

Pada hari ini kita dapati bahawa penggunaan kayu oleh pengguna-pengguna dalam negara kita ini saya difahamkan bahawa tidak dikawal dengan sepenuhnya oleh Kementerian ini. Maksud saya, Tuan Pengerusi, misalnya dalam bidang pembangunan di mana kita dapati, katakanlah satu bingkai pintu (window frame) ada setengah pengguna memerlukan ataupun suka kepada saiz kayu misalnya  $2 \times 3$  tetapi ada setengah pengguna memerlukan  $1\frac{1}{2} \times 3$ . Jadi ini menyulitkan kepada pengilang-pengilang kayu papan kita untuk membekalkan dan tambahan pula dengan adanya permintaan saiz kayu yang berbeza-beza ini kita dapati pembaziran kayu berlaku. Dengan lain perkataan, recovery rate adalah menjadi kurang.

Jadi saya berharap supaya melalui projek ini pihak Kementerian dapat menjalankan satu penyelidikan yang menyeluruh untuk menentukan satu dasar mengadakan satu standard, kegunaan kayu yang saiznya standard bagi suatu kegunaan. Untuk makluman Tuan Pengerusi, perkara ini telahpun diamalkan oleh negara-negara yang maju. Dengan hal yang demikian saya rasa ini memudahkan lagi para pengilang kita menentukan apa yang hendak dikeluarkan dan apakah saiznya yang hendak dipotong dan dapatlah para pengilang papan kita memperolehi kadar recovery yang tinggi.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan projek ini yang ingin saya sentuh ialah oleh kerana memandangkan sumber-sumber hutan di negara kita ini akan kehabisan di mana di masa-masa yang lepas kita dapati bahawa kayu-kayu yang popular species sahaja digunakan tetapi kayu di mana species tidak popular ataupun kata orang kayu "Chapcha" tidak dipergunakan. Jadi kadang-kadang kayu "Chapcha" ini apabila dipotong oleh kerana tidak ada permintaan ditinggalkan begitu sahaja di tengah panas dan kayu "Chapcha" ini memang tidak tahan kena panas; dia akan menjadi pecah. Saya berharap di bawah Butiran projek ini supaya pihak Kementerian menjalankan penyelidikan tentang kegunaan kayu-kayu ataupun kegunaan alternative bagi kayu-kayu yang tidak popular species ini ataupun kayu-kayu chapcha dengan harapan dapatlah kita menjimatkan penggunaan kayu dalam negara kita ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan di bawah Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Panti.

5.11 ptg.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyentuh satu dua perkara berhubung dengan permohonan Kementerian Perusahaan Utama. Pertama B. 24, Butiran 1100, Program (2)—Perhutanan, merangkumi (a), (b) dan (c).

Tuan Pengerusi, walaupun sudah banyak diperkatakan masalah ini maka saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang baru-baru ini telah menyentuh masalah ini dan telah membuat satu peraturan khas bagi negeri yang berkenaan berhubung dengan dasar pentadbiran hutan.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Sungai Petani kalau tidak silap saya telah juga menyentuh masalah ini dan mencadangkan supaya Kerajaan Pusat sama ada mengambil alih pentadbirannya ataupun memerhatikan perjalanan pentadbiran hutan ini. Saya tidaklah berapa setuju sangat dengan pandangan yang seumpama itu, kerana dalam sistem kita yang wujud sekarang ini di mana terdapat pembahagian tugas iaitu di manakah tugas Kerajaan Pusat dan di manakah tugas Kerajaan Negeri, apakah hak Kerajaan Pusat dan apakah hak Kerajaan Negeri.

Peraturan yang ada sekarang ini saya rasa sudah cukup lengkap, cuma yang perlu diawasi ialah cara perlaksanaan, bagaimana hendak melaksanakan supaya negeri-negeri yang mempunyai pemberian semula jadi daripada Allah subhanahuwataala sama ada minyak ataupun kayu balak ataupun padi dan sebagainya pemberian daripada Allah subhanahuwataala kepada negeri-negeri yang tertentu.

Berhubung dengan perkara ini, eloklah dasar ini dijalankan sebagaimana biasa, cuma sebagai pengalaman saya sendiri, saya fahamkan bahawa walaupun perhutanan ini di bawah kuatkuasa atau di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi pegawai-pegawainya ialah didatangkan daripada Pusat. Umpamanya SFOnya daripada Pusat dan DFOnya pun daripada Pusat.

Tuan Pengerusi, kerap kali berlaku tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Kerajaan kita terutama sekali oleh pihak parti-parti Pembangkang di mana mereka melemparkan tuduhan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri ada yang menyalahgunakan kuasa di dalam pembahagian kawasan-kawasan pembalakan ini.

Tuan Pengerusi, di sini sebenarnya Pegawai Perhutanan Negeri atau apa yang dikenali sebagai SFO sebenarnya mempunyai peranan yang penting di dalam pentadbiran ini. Merekalah yang memainkan peranan yang penting untuk mengatur, memberi dan menentukan mana satu-satu kawasan yang dipohon oleh rakyat sebagaimana juga rakyat berhak memohon tanah untuk ladang, untuk tanaman enas, untuk tanaman padi dan sebagainya begitu jugalah kawasan pembalakan. Tetapi peranan yang dimainkan oleh SFO inilah yang selalunya terdapat menjejaskan nama baik Kerajaan Negeri dan menjejaskan nama baik ahli-ahli politik terutama sekali yang datang daripada barisan Kerajaan dalam tiap-tiap negeri. Penyelewengan yang berlaku, saya harap di masa-masa yang lalu terdapat penyelewengan pembahagian ini dilakukan oleh SFO. Saya beri contoh negeri Johor, sebab saya wakil datang dari Johor dan saya harap pihak Kementerian Perusahaan Utama walaupun pegawai-pegawai yang tadinya sudahpun bersara atau sekarang ini masih di dalam tugasnya, saya harap pihak Kementerian mengambil berat dalam perkara ini dalam penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan bukan oleh ketua-ketua Kerajaan, bukan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional atau UMNO tetapi sebahagiannya dilakukan oleh pegawai yang mentadbirkan hutan negeri itu.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya Program (2) (c). Perancangan dan Perkembangan Industri.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan baru-baru ini telah timbul satu isu dalam negeri Johor yang mana pihak Kementerian, kalau tidak silap saya pihak Kementerian Perusahaan Utama iaitu berhubung dengan kilang-kilang kayu balak dan sebagainya yang mana selama ini pertumbuhan perindustrian ini berjalan dengan tidak teratur. Siapa suka hendak buat mini-sawmill buatlah, sama ada di atas tanah halal ataupun di atas tanah haram. Beratus-ratus industri ini wujud dalam negeri Johor sekarang ini. Saya tidak tahu di negeri lain tetapi besar kemungkinan ada juga. Wujud sekarang ini beratus-ratus industri dan yang menjadi timbul tandatannya kepada saya hari ini dan saya harap pihak

Kementerian, ura-ura yang dicadangkan itu hendak mengadakan dailog tiga penjuror di antara Kerajaan Negeri, Kementerian dan pembuat kilang-kilang haram atau di atas tanah haram.

Saya harap ura-ura ini boleh dibuat tetapi jangan sampai merugikan Kerajaan, maksud saya biasanya bila diadakan dailog perundingan seumpama ini pihak Kerajaan selalunya mengalah di atas tuntutan-tuntutan mereka sedangkan mereka sudah pun mendirikan industri yang haram ini di atas tanah haram, telah mendapat kekayaan yang lumayan dan tidak masuk hasilnya ke dalam Kerajaan Negeri dan sebagainya sebab mereka dirikan secara haram, seolah-olah pegawai yang ditugaskan di situ tidur. Takkanlah tidak nampak sebab industri haram ini didirikan di tepi jalan bukan dalam hutan rimba, kalau dalam hutan rimba mana dapat bekalan air dan mana dapat bekalan api elektrik. Di tepi jalanraya, di tepi pemandangan umum. Jadi saya harap kalau dilakukan dailog tiga penjuror ini yang salah tetap disalahkan. Timbangan atau hendak dipertimbangkan sama ada hendak dihalalkan yang haram itu terpulang kepada Kementerian ini tetapi tuan punya kilang-kilang industri haram ini hendaklah dihukum, hendaklah diambil tindakan sewajarnya, kerana mereka tidak menghormati langsung undang-undang kita, peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya harap perkara ini akan diambil perhatian berat dan serius oleh pihak Kementerian ini, boleh diadakan perundingan sama ada dua penjuror atau tiga penjuror tetapi masalah mereka telah pun mendirikan kilang secara haram ini hendaklah diambil perhatian berat dan diambil tindakan undang-undang.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sedikit lagi berhubung dengan B. 24, muka surat 179 iaitu di bawah Emolumen Program 3, Urusetia Majlis Perdagangan Komoditi.

**Tuan Pengerusi:** Di mana Yang Berhormat.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Muka surat 179 Butiran 1200, Program 5, Urusetia Majlis Dagangan Komoditi.

Tuan Pengerusi, dalam membahaskan Belanjawan ini secara am, saya telah pun menyentuh sedikit sebanyak perkara ini dan sekarang kita dalam jawatankuasa saya ingin menyentuh sedikit lagi iaitu bahawa pihak Kementerian hanya menjadi Urusetia Majlis Dagangan kepada perkembangan perdagangan komoditi yang wujud di Kuala Lumpur dan juga dalam negara kita khususnya.

Tuan Pengerusi, masih lagi terdapat syarikat-syarikat ini yang ditubuhkan yang mana sepatutnya pihak Urusetia Majlis ini mengawasi perkembangan syarikat-syarikat komoditi ini supaya selaras dengan tujuan Kerajaan yang wujud dalam prestasi kita ini iaitu hendak menjaga kepentingan awam, hendak menjaga pemodal-pemodal awam supaya jangan diselewengkan dan disalahgunakan dan dirugikan oleh syarikat-syarikat komoditi. Apa yang berlaku dan sedang berlaku, Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan sebab tidak adanya pengalaman ejen-ejen yang dilantik oleh syarikat-syarikat komoditi ini menyebabkan pemodal-pemodal awam telah rugi, seorang baik ataupun secara perkongsian lebih banyak yang telah mengalami kerugian daripada yang mendapat keuntungan di atas modal yang ditanam di atas syarikat-syarikat komoditi. Sebab itu saya mencadangkan supaya Urusetia jangan ada di Kuala Lumpur sahaja, supaya Urusetia ini diwujudkan di tiap-tiap negeri di Malaysia ini di mana terdapat syarikat komoditi dan lagi satu harapan saya supaya Urusetia ini menjadi penasihat kepada pemodal-pemodal awam yang hendak menanam saham di dalam syarikat komoditi supaya Urusetia ini menjadi badan penasihat kepada yang hendak menanam modal bagaimana dilakukan sekarang terhadap bumiputera diberitahu, kalau hendak menanam modal di dalam syarikat ini yang terjamin keuntungannya dan dinasihatkan supaya jangan melabur dalam syarikat sebarangan.

Jadi saya harap, Tuan Pengerusi, supaya Urusetia ini menjadi penasihat kepada siapa sahaja yang hendak melabur di dalam syarikat-syarikat komoditi ini memberi panduan dan guideline, ini syarikat yang boleh kamu masuk dan akan memperoleh

keuntungan. Memanglah semua syarikat memberitahu orang ramai, memberitahu orang-orang awam bahawa syarikat dialah yang mendapat kejayaan, dialah yang mendapat keuntungan dan sebagainya. Tetapi hasilnya setelah dicuba, setelah dimasuki oleh pelabur-pelabur awam didapati lebih banyak yang merugikan daripada yang menguntungkan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah pandangan yang dapat saya memberi dan saya mengucapkan terima kasih, dan dengan ini saya menyokong permohonan Kementerian Perusahaan Utama itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

5.24 ptg.

**Dato Michael Chen Wing Sum (Ulu Selangor):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang satu perkara di bawah B. 24, muka surat 177, Butiran 1100, Program (1) (a) iaitu kesulitan yang dihadapi oleh kilang-kilang papan atau pengeksport di wilayah Selatan Semenanjung Malaysia khasnya oleh pengeksport-pengeksport dalam negeri Johor.

Kebanyakan kilang-kilang papan di Johor menjual kayu gergaji mereka ke Singapura atau mengeksport kayu mereka melalui negara itu. Sejak pembinaan Pelabuhan Pasir Gudang dan Pertubuhan Syarikat Penge-luaran Eksport Perkayuan Persekutuan, sebuah syarikat yang dimiliki dengan saham majoriti oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Lembaga itu telah mengarahkan supaya hari demi hari lebih banyak kayu gergaji yang telah diperingkatkan dieksport melalui Pasir Gudang iaitu pengeksportan melalui Singapura dikurangkan.

Penggalakan pengeksportan kayu-kayan kita melalui pelabuhan kita sendiri adalah satu langkah yang baik dan patut disokong oleh perindustrian kita. Sebenarnya kilang-kilang papan di Johor telah memberi sokongan yang penuh pada peringkat permulaan. Ini telah dibuktikan dengan pengeksportan sebanyak 22,000 tan kayu bagi bulan-bulan tertentu pada tahun 1980. Tetapi sejak bulan Oktober,

1980 Pelabuhan Pasir Gudang tidak membenarkan kayu gergaji dieksport melalui jeti-jetinya lagi, ini disebabkan pelabuhan itu telah mencapai kejayaan yang amat cemerlang. Telah menjadi sesak dan sibuk dengan pengeksportan bahan-bahan lain seperti minyak kelapa sawit. Ini bermakna kapal-kapal yang datang untuk mengangkut kayu-kayan harus berhenti di tengah laut dan kayu-kayan dihantarkan ke kapal-kapal melalui tongkang-tongkang ataupun bot-bot kecil. Peraturan itu telah melambatkan transshipment kayu-kayan. Ini bukanlah kesulitan yang tunggal.

Baru-baru ini kapal-kapal hanya mahu datang ke Pasir Gudang untuk mengisi bungkusan-bungkusan besar, bungkusan-bungkusan yang lebih luar liputan sahaja dan bagi destinasi-destinasi tertentu. Dengan perkataan lain, parcel-parcel kecil tidak diambil dan pada suatu bulan yang lalu terdapat banyak parcel-parcel kecil dishut out atau disangkut di Pelabuhan Pasir Gudang yang mengakibatkan kerugian besar bagi pengeksport-pengeksport di Johor itu.

Memandangkan kesulitan-kesulitan tersebut, peraturan yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Perindustrian Kayu yang menghadkan kayu dieksport melalui Singapura, telah menjadi tidak praktik lagi. Saya merayu kepada Kerajaan supaya menarik balik sementara pengharaman atau to lift the ban temporarily supaya pengeksportan kayu-kayan melalui Singapura dibenarkan. Kerajaan harus memberi jalan untuk mengatasi masalah ini sebaik sahaja masalah pokok ini dapat diselesaikan. Kerajaan boleh menjalankan semula peraturan-peraturan yang menghadkan pengeksportan kayu-kayan melalui Singapura. Haraplah rayuan saya dapat ditimbang dengan sewajarnya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Seremban.

5.29 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sedikit pandangan saya berkenaan dengan pekebun-pekebun kecil di bawah B. 24, muka surat 177, Butiran 1100, Program (1).

Tuan Pengerusi, saya ingat semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun faham tentang keadaan pekebun kecil sangat susah hari ini. Kita pun tahu harga getah sudah jatuh, setahun dulu harga getah ialah \$4 sekilo, kelmarin dulu harga getah telah jatuh sampai \$1.80 sen sekilo. Ini satu keadaan yang tidak baik dan merupakan satu serangan kepada penghidupan pekebun kecil negara kita. Bukan sahaja harga getah sudah turun tetapi inflasi di negara kita pun telah naik dan ini pun telah memberi satu beban kepada pekebun-pekebun kecil. Oleh sebab itu, saya ingat masalah yang sangat besar dan penting hari ini ialah macam mana kita boleh menaikkan pendapatan pekebun-pekebun kecil dan memberikan pertolongan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, beberapa tahun dahulu iaitu tahun 1973 atau 1974 keadaan semacam ini telah pun berlaku di mana harga getah telah jatuh sangat rendah. Di dalam Dewan ini kita telah mendengar banyak hujah-hujah yang telah dikeluarkan bagaimana kita boleh mengatasi masalah harga getah ini. Sehingga ini kita nampak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi harga getah. Kerajaan telah menjemput negara-negara jiran yang ada mengeluarkan getah dan telah menubuhkan satu majlis iaitu Natural Rubber Producers Council untuk mencari jalan mendapatkan harga getah yang sesuai. Kerajaan juga telah membuat perjanjian antarabangsa (International Rubber Agreement) untuk mendapatkan harga yang sesuai dan juga mempunyai satu stok simpanan (stockpile). Kerajaan telah membuat cadangan menjadikan Kuala Lumpur ini sebagai satu Commodity Centre khususnya untuk getah. Sungguhpun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah ini tetapi hari ini kita dapati satu keadaan yang tidak sesuai untuk pekebun-pekebun kecil di mana harga getah telahpun jatuh ke paras rendah.

Tuan Pengerusi, pada hari ini kalau kita jual satu kati getah di pasar, wang yang dapat itu tidak mencukupi untuk membeli satu kati gula—inilah aduan yang saya terima. Oleh sebab itu, saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil perhatian atas perkara ini dan pada masa akan datang Kuala Lumpur akan mengadakan satu mesyuarat di mana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh

cuba untuk menaikkan price range untuk stok simpanan, keadaan ini saya juga sokong tetapi yang mustahaknya sekarang ialah macam mana kita boleh guarantee harga getah tidak akan turun lagi—ini yang mustahak. Kalau harga itu turun lagi saya rasa, Tuan Pengerusi, pekebun-pekebun kecil akan menerima kesusahan yang lebih lagi. Sungguhpun kita ada stok Simpanan dan Kuala Lumpur Commodity Exchange tetapi effectivenessnya tidak ada—tidak berkesan. apa sebabnya? Barangkali kita belum mempunyai cukup pengalaman (experience). Kalau dibandingkan dengan harga bijih timah, sungguhpun bekalan adalah lebih dibandingkan dengan demandnya tetapi harga bijih timah hari ini telah naik. Saya ingat ini adalah bergantung kepada orang-orang yang ada berpengalaman untuk “fine tune” harga ini. Saya rasa Kuala Lumpur Commodity Exchange tidak mempunyai cukup pengalaman. saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian ini dan mengambil langkah-langkah untuk menaikkan harga getah sekarang juga, kalau tidak saya rasa pekebun-pekebun kecil yang beratus ribu itu di luar bandar akan mendapat suatu keadaan yang sangat susah.

Untuk jangka panjang (long-term) apa yang mustahaknya ialah Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah untuk memberi tanah kepada pekebun-pekebun kecil. Saya telah dapat banyak rayuan daripada pekebun-pekebun kecil di mana mereka berkata, kalau Kerajaan memberi tanah, mereka boleh menanam lebih getah untuk mencari satu keadaan kehidupan yang lebih baik. Kita tahu ladang-ladang yang besar berapa ribu ekar tanah getah tidak ada penoreh getahnya, oleh sebab penoreh getah (rubber tappers) tidak berminat bekerja dalam estet kerana pendapatannya sangat rendah kalau dibandingkan dengan orang-orang yang bekerja di kilang-kilang. Jadi, mereka tidak berminat bekerja dalam estet-estet itu. Tetapi kepada orang yang kebunnya kecil dia hendak bekerja sebab dia mempunyai tanah getah sendiri dan boleh menoreh getah itu dan dapat memperolehi pendapatan dua kali ganda. Sebab itu saya harap pada masa akan datang skim-skim untuk menanam getah semula janganlah diberikan kepada syarikat-syarikat yang besar-besar, berilah kepada

pekebun-pekebun kecil 10 atau 20 ekar, tidak payah ikut sistem FELDA atau FELCRA di mana terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menanam semula getah (rubber replanting). Kita ikut sahajalah cara dahulu di mana Kerajaan sungguhpun masa itu di bawah pentadbiran Kerajaan British tetapi dia memberi tanah kepada siapa sahaja yang hendak menanam getah 10 atau 20 ekar, dia sendiri menanamnya.

Kalau ikut sistem itu Kerajaan tidak payah membelanjakan banyak wang. Kalau hendak ikut sistem FELDA, FELCRA itu pun baik tetapi belanjanya sangat tinggi. Saya haraplah kepada Kerajaan pada masa yang akan datang kalau ada tanah-tanah kosong, hendaklah diberikan tanah-tanah itu kepada pekebun-pekebun kecil dan janganlah diberikan kepada syarikat-syarikat yang besar sahaja. Saya rasa pihak Rubber Research Institute pun hendaklah bekerja lebih kuat sedikit untuk mencari lebih uses for rubber; kalau dapat lebih uses saya ingat negara kita akan mendapat hasil daripada research itu. Kalau RRI atau lain-lain badan mengadakan penyiasatan dan dapat lebih uses for natural rubber saya rasa ini adalah satu langkah yang patut dijalankan cepat sedikit.

Tuan Pengerusi, pengeluaran getah daripada pekebun-pekebun kecil adalah didapati qualitynya tidak berapa baik iaitu grade 2 atau grade 3 dan sebab itulah harganya sangat kurang. Sungguhpun Kerajaan mempunyai MARDEC dan kilang-kilang di sana sini tetapi kilang-kilang ini tidak mencukupi untuk mengeluarkan getah-getah yang baik (quality), misalnya RRI 1 atau SMR.

Sampai sekarang beberapa tahun dahulu, 5-6 tahun sudah lepas, saya rasa sedih oleh sebab MARDEC tidak bekerja dengan rajin dan lebih faktori-faktori untuk pekebun-pekebun kecil. Kita di sini pun tidak mahu kilang-kilang yang besar. Bolehkah MARDEC beri experiment atau menyiasat, cari enjineer-enjineer yang boleh keluarkan satu jentera atau enjin kecil boleh mengeluarkan SMR rubber. Kalau macam ini saya ingat pekebun-pekebun kecil di mana-mana juga ada berkongsi atau berkolektif, boleh ada satu jentera kecil ini, boleh keluarkan SMR rubber, saya rasa pekebun-pekebun kecil boleh dapat

getah yang tinggi grednya, iaitu gred 1 dan SMR juga dan boleh dapat pendapatan yang tinggi.

Tuan Pengerusi, di bawah P. 24, muka surat 188, Butiran 3 Rancangan Penanam Semula Nenas, saya mahu beri pandangan.

Kalau kita pergi ke supermarket di mana juga, Kuala Lumpur atau mana-mana tempat, kita nampak ada banyak tin-tin (cans) buah-buahan tetapi saya rasa cans pineapple tak berapa popular sungguhpun dikeluarkan daripada tempatan dan jika dibandingkan harga yang dikeluarkan daripada negara lain adalah rendah. Komplek daripada consumer ialah nenas itu sangat fibrous, tak cukup manis atau sangat acidic. Ini saya rasa pihak yang berkenaan mesti pergi menyiasat, dapat research di mana boleh keluarkan buah nenas yang lebih sesuai dan tidak acid.

Tuan Pengerusi, akhirnya di bawah B. 24, muka surat 177, Butiran 1100, Program 4 Bijih Timah, Penyelidikan dan Penyiasatan.

Saya rasa perusahaan bijih timah di sini pun ada mengalami satu keadaan yang tidak baik.

Baru-baru ini kita nampak dalam suratkhbar dan mana juga ada komplek daripada orang yang ada menggali bijih timah khasnya untuk gravel mines yang kecil ada banyak yang ditutup oleh sebab ia tidak boleh dapat untung, sebab cost of production naik, gaji naik, tenaga (power) naik, harga minyak pun naik, kos pengeluaran sudah naik, oleh sebab itu ianya tidak boleh dihidupkan lagi dan banyak sudah ditutup. Ini boleh mengancam perusahaan bijih timah.

Sungguhpun kita ada banyak syarikat besar bijih timah, seperti Malaysian Mining Corporation, Tronoh dan lain-lain tetapi kita hendaklah menolong tuan punya lombong kecil (small tin miners), kita boleh beri dia peluang. Kalau Kerajaan beri perhatian lebih, prospect tanah-tanah yang ada tin dan beri lesen kepadanya untuk menggali ke tempat itu. Janganlah Kerajaan sahaja paksa dia pergi menggali tanah yang sudah digali beberapa kali dahulu. Saya harap Kerajaan beri peluang kepada orang semacam itu oleh sebab gravel mines yang kecil pun ada beri contribution, ada sacrifice kepada negara kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mahu bangkitkan satu perkara di mana ada mengenai penguatkuasaan undang-undang.

Beberapa minggu dahulu ada satu perkara berlaku di kawasan saya, Seremban. Saya rasa sangat hairan ianya boleh berlaku di mana dalam satu tempat kediaman (residence) untuk penduduk-penduduk dalam pusat itu boleh ada satu lombong, dikelilinginya ialah kediaman rumah kos rendah dan lain-lain rumah tetapi Kerajaan ada beri kuasa atau beri kebenaran kepada satu kompeni untuk menubuhkan satu syarikat lombong di sana. Ini sudah terdapat keadaan yang tidak baik, beberapa rumah-rumah kos rendah sudah pecah (cracks) dan mengancam nyawa dan seorang kanak-kanak telah mati. Saya tidak faham apa sebab.

Kalau ada undang-undang di mana boleh selamatkan rakyat, penduduk di sana, bagaimana lombong ini boleh diberi kebenaran di dalam satu kawasan kediaman orang ramai. Saya rasa sangat hairan. Saya rasa Kerajaan mestilah ambil tindakan dan pada masa yang akan datang jangan lagi beri lesen-lesen ini, sia-sia sahaja kepada syarikat-syarikat itu yang beri ancaman kepada penduduk-penduduk.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Padang, lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.47ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi sedikit pendapat, iaitu B. 24, muka surat 177, Butiran 1100, Program (1) (a) Pentadbiran Am, Pasaran Bahan Utama dan Bahan Utama yang lain-lain, (b) Getah dan lain-lain Bahan Antarabangsa dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, getah telah menjadi satu sejarah bahawa negara kita banyak mengeluarkan getah di antara negara-negara dalam dunia ini tetapi malangnya pekebun-pekebun kecil getah seramai 500,000 orang dan pekerja-pekerja ladang seramai 150,000 orang telah berasa kecewa di atas kedudukan harga getah yang begitu rendah. Mereka menyatakan segantang beras yang habis

rendah mutunya berharga \$3.20 tetapi harga getah 50 sen. Kami menoreh getah sebanyak 6 kati baru dapat \$3. Katalah mereka dapat 10 kati untuk membeli beras. Kemudian, kalaulah demikian katanya, kadang-kadang ada daripada pekebun-pekebun kecil ini bahagi dua, iaitu tuannya tanah dapat setengah, dan yang menoreh dapat setengah; yang menoreh ini dapat 5 kati, 5 kati baru \$2.50. Keadaannya pada hari ini seolah-olahnya pekebun-pekebun kecil ini sebagaimana kata pepatah Melayu: kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Begitu juga Kerajaan negara kita ini telah menyediakan FELDA, FELCRA dan sebagainya untuk memberi meningkatkan lagi pendapatan rakyat di kampung-kampung dan di luar bandar.

Dalam pada itu saya berterima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama ini akan berusaha sedaya upaya untuk meninggikan lagi hasil getah ini di paras yang memuaskan dengan perjanjian pembeli-pembeli getah ataupun negara-negara industri yang berhajat kepada getah asli ini untuk meninggikan lagi harga getah pada masa akan datang.

Satu daripada kilang yang diusahakan oleh Kementerian Perusahaan Utama iaitu MARDEC membeli getah cair, membeli getah keping dan sebagainya dengan meninggikan taraf getah itu. Jadi, getah-getah ini telahpun ada kilang-kilang yang dibuat usahasama dengan industri-industri di negara kita ini. Saya harapkan kalau dapat kilang-kilang ini dibanyakkkan lagi supaya kita sendiri menggunakan getah kita menjadikan alat-alat atau benda seperti tayar dan sebagainya yang mana saya tahu di United States apabila gandum jatuh harganya Kerajaan membeli gandum itu sebanyak-banyaknya dengan harga yang sesuai, yang parasnya tidak menginflasikan rakyat; Kerajaan membeli gandum banyak-banyak, dicurah ke dalam laut tetapi tidak sampailah begitu kerana dalam Ugama Islam kitapun membazir ini kawan syaitan, jadi kita beli banyak-banyak getah, masuk dalam stok kita, kita proseskan menjadi mata benda. Itulah pendapat saya semoga negara kita ini dapat ditingkatkan lagi pendapatan begitu baik dan rakyat kita mendapat wang sara hidup mereka dengan baik.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap Maksud B. 24, Butiran 1100, Program (3) Galian. Galian ini satu daripada hasil yang besar. Pendek kata, Lembah Kinta dalam negeri Perak terkenal di seluruh dunia. Saya menarik perhatian kepada Kementerian Perusahaan Utama apabila saya sampai di Muzium Washington, masuk ke dalam; kita tengok berkenaan dengan galian ternampaklah macam mana lombong yang dibuat di Bolivia, tetapi Malaysia tidak ada. Jadi alangkah sedihnya bijih timah datang dari negara Malaysia, gambar contoh dalam muzium yang terbesar, nasional muzium di sana ditunjukkannya Bolivia. Jadi tidak ubahlah lembu punya susu, sapi dapat nama.

Tuan Pengerusi, lombong-lombong ini sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi banyak yang tutup. Katanya ditutup lombong-lombong ini kerana kos naik, minyak naik dan sebagainya. Yang sebenarnya ini bukan kerana itu sahaja tetapi kerana harga bijih timah ini memang tinggi. Tetapi oleh kerana tanah sudah tidak ada, jadi mereka minta tanah yang sudah dilombong oleh kapal, dilombong zaman dahulu itu dilombong lagi. Jadi, kurangnya isinya. Dengan sebab itulah tutup kerana Ahli dari Seremban ini kerjanya hendak mengata sahaja, mengata Kerajaan tetapi dia tidak selidik. Oleh kerana lombong ini telah berjalan hampir beratus tahun sejak zaman Long Jaafar lagi sehinggalah sekarang kemungkinan tidak berapa lama lagi pupuslah isi-isi bijih timah di dalam bumi kita ini.

Dalam pada itu apabila saya tengok kuatkuasa undang-undang tiap-tiap Pejabat Tanah ada mengatakan selepas dibuat satu-satu lombong itu tanah-tanahnya hendaklah ditutup balik tetapi keadaannya hingga hari ini berlubang di sana, berkolam di sini dan kadang-kadang seperti laut luasnya dan ada budak-budak mandi yang mati. Begitu dalamnya dan ditinggalkan begitu sahaja. Kalau dapat Kementerian Perusahaan Utama menutup, menyuruh tiap-tiap pelombong disyaratkan mesti tutup, kalau tidak dipegang wang seperti pertaruhan supaya Kementerian ini menutupnya pula kerana datar-datar tanah inilah yang luas terbentang dengan lombong-lombong tinggal, kalau dirata dan dipamahkan bolehlah dirancangkan membuat

perumahan yang tidak cukup kepada rakyat negara kita, membuat tapak industri negara kita boleh dikaji oleh pihak Pusat Penyelidikan Getah Asli kita mengkaji apakah pokok yang boleh ditanam di atas tanah-tanah yang tandus daripada baja-baja yang tidak ada itu misalnya seperti pantai Trengganu ditanam dengan pokok gajus, kemudian dikaji supaya didapatkan baja yang sesuai supaya boleh ditanam balik getah.

Tuan Pengerusi, oleh kerana tanah-tanah yang begitu luas sekiranya dibiarkan begitu sahaja rakyat negara ini dari satu masa ke satu masa, dari satu dekad ke satu dekad bertambah penduduknya. Oleh itu, saya berharap Kementerian Perusahaan Utama ini membuat kajian meratakan tanah-tanah lombong sama ada lombong kelikir ataupun yang ada dibuat dengan kapal korek itu.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Perusahaan Utama.

**Tuan Pengerusi** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menjawab.

5.57 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab dan mengulas apa yang telah dikemukakan dan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong peruntukan yang diberi kepada Kementerian Perusahaan Utama izinkan saya melafazkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dengan murah hati mencadangkan beberapa cadangan yang membina terhadap Kementerian saya. Insya Allah sekalipun dalam masa ini mungkin tidak semua apa yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat saya ulas dan jawabkan, namun saya akan berusaha mengambil perhatian terhadap cadangan-cadangan yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh tentang masalah cukai eksport yang dikenakan ke atas bahan-bahan utama khususnya kayu-kayan, rotan dan sebagainya.

Sukalah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan mengenakan cukai terhadap bahan-bahan tersebut bukanlah apa yang sebenarnya didakwa oleh Ahli Yang Berhormat bertujuan untuk menekankan rakyat jelata di negara ini terutama sekali mereka yang miskin. Tujuannya ialah untuk menentukan supaya kita akan dapat keuntungan daripadanya. Contoh yang saya beri ialah mengenai rotan, bila mana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan dan mendakwa bahawa duti eksport yang dikenakan ke atas rotan ialah begitu tinggi dan ini akan memberi bebanan terhadap mereka yang mengeksport rotan di negara kita ini.

Sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar. Ini kerana dalam majlis taklimat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Jabatan Orang Asli baru-baru ini Yang Amat Berhormat telah memberi jaminan bahawa Orang Asli tidak akan menghadapi masalah akibat dari eksport duti ini.

Pada masa ini terdapat hanya kenaikan 10% sahaja atas duti eksport bahan-bahan tersebut. Oleh itu kenaikan itu hanya 1% yang bermakna ianya merupakan kenaikan ansuran, sebab kita perlu menaikkan cukai eksport atas bahan ini adalah untuk menentukan supaya raw rattan atau rotan mentah akan dikekalkan dalam negara kita untuk kegunaan pengusaha rotan di dalam negara kita atau pengusaha tempatan lantaran kekurangan rotan telah dialami oleh pengusaha rotan di negara kita baru-baru ini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai harga bahan utama seperti getah dan lain-lain, ingin saya jelaskan di sini bahawa di samping program menstabilkan harga, Kementerian Perusahaan Utama juga mencari pasaran baru untuk pasaran barang-barang utama di samping pasaran tradisional iaitu pasaran asli. Kementerian ini dari masa ke semasa menghantar misi-misi perdagangan bagi menambahkan pasaran barangan kita ke luar negeri. Lain-lain strategi termasuklah memperbaiki mutu pengeluaran kita di samping menjalankan penyelidikan terhadap

keluaran bahan-bahan utama bagi menggalakkan lebih banyak lagi penggunaan barang utama di negara kita ini, di samping itu kita juga menggalakkan penggunaan getah dalam negara kita sendiri. Pada masa ini peratus pertumbuhan penggunaan getah dalam negara ialah 13.6% setahun maka dengan itu kita mempunyai matlamat yang tertentu menambahkan penggunaan getah dalam negara dari 68,000 tan sekarang kepada 300,000 tan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menyentuh tentang keengganan Amerika Syarikat menandatangani Perjanjian Timah Antarabangsa (PTA) Keenam dan cara meningkatkan royalti timah kepada negeri-negeri di Malaysia ini. Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Amerika Syarikat membuat keputusan untuk tidak menyertai PTA Keenam adalah berasaskan falsafah negara itu sendiri iaitu falsafah ekonomi terhadap pasaran bebas dan tidak menaruh kepercayaan kepada perjanjian barangan antarabangsa. Walaupun Amerika Syarikat tidak akan menganggotai PTA Keenam, ini bukanlah merupakan satu perkara baru oleh kerana Amerika Syarikat memang tidak menjadi ahli PTA Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat tetapi ianya hanya menjadi Ahli PTA Kelima. PTA sebenarnya mempunyai mechanism atau mekanismanya sendiri yang tertentu untuk menstabilkan harga timah dunia dan ianya telahpun berjaya membuat sedemikian selama 25 tahun yang lepas. Saya yakin bahawa PTA Keenam akan dapat mengekalkan kesan seperti yang telah dialami itu walaupun Amerika Syarikat tidak menjadi ahli.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan penjualan timah apa yang dicadangkan oleh Ahli dari Sungai Petani itu memanglah berlaku. Timah adalah dijual terus di pasaran logam di Pulau Pinang, London dan New York. Amerika Syarikat tidak ada pengaruh di dalam menetapkan harga tetapi melalui stok penimbalnya ada mempunyai kesan ke atas harga tetapi melalui PTA kesan-kesan buruk itu akan dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga telah menyuarakan soal meningkatkan kadar royalti timah kepada negeri-negeri

yang mengeluarkan timah. Sukalah saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini akan dan sedang dikaji oleh Kementerian Kewangan pada masa ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga telah menyentuh tentang penyertaan bumiputera dalam perlombongan di negeri Perak dan juga di negeri lain di negara ini. Sukalah saya menjelaskan bahawa setakat ini memang Kerajaan menggalakkan penyertaan bumiputera dalam industri tersebut dan perkara ini memanglah terbukti telah wujud dan sukalah saya memberi jaminan bahawa Kerajaan memang ingin melihat supaya ia sentiasa terus wujud dan penglibatan bumiputera dalam industri ini akan sentiasa wujud sehingga masa akan datang. Pada masa ini kita dapati bahawa ada tiga peringkat di mana bumiputera telah dapat menyertai industri ini. Pertama, peringkat penyertaan bumiputera dalam perlombongan di negeri Perak tidak kurang daripada peringkat di seluruh negara. Pada masa ini Malaysian Mining Corporation (MMC) menjadi bentuk yang utama bagi penyertaan bumiputera dalam perlombongan dan kebanyakan lombong-lombongnya adalah terdapat di negeri Perak. Bentuk yang kedua bagi penyertaan bumiputera adalah melalui Perbadanan Kemajuan Negeri. Negeri Selangor adalah yang paling maju dalam bentuk ini. Akhirnya, bentuk yang ketiga ialah penyertaan perseorangan atau syarikat bumiputera sebagai pelombong secara langsung. Ini adalah tertakluk kepada kemampuan bumiputera perseorangan itu ataupun syarikat-syarikat tertentu sama ada mereka itu mempunyai wang untuk melabur dalam industri ini atau tidak. Namun demikian, saya ingin memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan sentiasa memberi galakan dan dorongan terhadap penglibatan bumiputera dalam arena ini.

Tuan Pengerusi, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Yang Berhormat dari Sungai Petani menyentuh tentang keruntuhan tanah di kawasan lombong. Kerajaan dan Kementerian Perusahaan Utama memang menyedari hakikat ini dan memanglah perkara ini menjadi pandangan

serius dan tumpuan serius Kementerian ini di masa lepas, di masa ini dan di masa yang akan datang. Jabatan Galian di bawah Kementerian ini sentiasa melaksanakan kawalan yang rapi terhadap perjalanan lombong dan juga sentiasa mengkaji cara-cara baru untuk membuat demikian dengan teknologi baru jika didapati. Amalan Jabatan Galian adalah sentiasa memperhebatkan kawalan ini sama ada dalam musim tengkujuh ataupun musim lain. Semua pekerja lombong adalah dilindungi dengan Workmen's Compensation ataupun Pampasan Pekerja atau saguhati atau *ganjaran* adalah ditetapkan oleh Kementerian Buruh terhadap kecederaan atau kematian pekerja. Kementerian saya dan Jabatan Galian telah meletakkan syarat-syarat dan kawalan yang lebih berat terhadap perjalanan lombong-lombong di kawasan yang mana nyawa dan harta-benda di luar lombong itu mungkin diancam bahaya.

Suka juga saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Perusahaan Utama semenjak ataupun beberapa hari selepas kejadian lombong runtuh di Puchong telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak yang dianggotai oleh mereka yang pakar dalam arena dan dalam aspek menjaga keselamatan pekerja-pekerja lombong itu. Maka harapan kita ialah supaya dengan tertubuhnya Jawatankuasa Bertindak ini kesan jagaan kita terhadap bahaya-bahaya yang mungkin berlaku di lombong-lombong akan lebih berkesan lagi daripada masa yang lepas.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trenggamu telah menyentuh mengenai gaji yang begitu rendah dibayar oleh MARDEC dan sebagainya.

Saya sebenarnya kurang jelas apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mungkin apa yang dimaksudkannya ialah pekerja yang dibayar mengikut hari bekerja. Jadi gaji yang dibayar adalah bergantung kepada jumlah hari bila mana pekerja itu bekerja. Kalau hari bekerja kurang, sudah tentulah gajinya kurang dan rendah kerana ini didasarkan mungkin kepada jumlah ataupun purata bulanan. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa

perkara ini akan diselidiki dengan teliti oleh Kementerian saya. Dan keadaan pekerja-pekerja di MARDEC ataupun di mana-mana di bawah Kementerian ini akan sentiasa dijaga baik-baik.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang pencemaran udara dan air dari kilang-kilang MARDEC. Kementerian memang sedar akan masalah ini dan dengan itu satu unit khas telah ditubuhkan di Rubber Research Institute of Malaysia (Institut Penyelidikan Getah Malaysia) yang bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bagi mencari jalan yang sesuai dan berkesan untuk menyelesaikan masalah ini. Semua kilang-kilang MARDEC ataupun kilang-kilang getah di seluruh negara termasuk MARDEC dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak Jabatan yang berkenaan. Kilang-kilang MARDEC diperiksa dan akan diperiksa dari masa ke semasa bagi menentukan supaya bahan-bahan tersebut tidak merbahaya.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang telah menyentuh tentang perlunya ditumpukan perhatian sepenuhnya terhadap penyelidikan kelapa sawit dan juga menyentuh tentang kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan di PORIM.

Suka saya menjelaskan bahawa Institut Penyelidikan Minyak Kelapa sawit iaitu PORIM telah ditubuhkan dalam tahun 1979 dengan kuasa yang luas termasuk pengumpulan hasil-hasil penyelidikan swasta. Institut ini sebenarnya bekerjasama rapat dengan pihak swasta, malah dalam Lembaga PORIM itu sendiri terdapat wakil-wakil dari pihak swasta. Berhubung dengan perbelanjaan untuk bangunan PORIM ianya sekarang di dalam proses pembangunan dan dijangka siap dalam tahun 1983.

Memandangkan umur muda PORIM iaitu hanya ditubuhkan dalam tahun 1979 saya ingin menjelaskan bahawa bilangan pegawai-pegawai kanan yang tidak kurang daripada 40 orang sekarang ini adalah dianggap munasabah dan berkesan untuk menjalankan kerja dalam PORIM, sudah pastilah bilangan ini akan bertambah dari tahun ke setahun. Di

samping itu Ahli Yang Berhormat dari Kluang juga telah menyentuh soal kejadian kemalangan di lombong yang sudah saya jelaskan semasa menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Namun demikian, Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan bahawa tidak ada tindakan apa-apa telah diambil oleh Kementerian saya mengenai kejadian kemalangan lombong ini.

Sukalah saya menasihati Ahli Yang Berhormat supaya merujuk kepada jawapan yang saya beri kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini Jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi iaitu Jawatankuasa Bertindak sedang dalam proses mengkaji dan menyiasat keadaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang juga telah menyentuh tentang sempitnya pasaran bagi nenas yang dikeluarkan daripada negeri kita ini dan meminta supaya Kementerian ini menjamin supaya pasaran untuk nenas akan sentiasa baik bagi nenas keluaran Malaysia. Sebenarnya sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam penjelasan saya mengenai komoditi-komoditi lain, Kementerian Perusahaan Utama sentiasa berusaha memperluaskan pasaran-pasaran nenas termasuk mencari pasaran-pasaran baru seperti di negara-negara Timur Tengah. Dan selain daripada pasaran tradisional di United Kingdom dan Eropah pihak Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu telah juga membuka pejabat di luar negeri seperti di London untuk megalakkan serta mengukuhkan lagi pasaran nenas Malaysia kita di masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan juga Kluang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh tentang pemberian kawasan pembalakan kepada pembalakan-pembalakan di negara kita ini. Kementerian Perusahaan Utama memang sedar bahawa kuasa ini adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan ada kemungkinan berlaku kayu balak akan kehabisan sekiranya kadar pembalakan yang dijalankan sekarang ini diteruskan. Memandangkan ini Kementerian saya telahpun mendapat persetujuan di Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara supaya

kadar pembalakan ini dihadkan kepada kawasan yang benar-benar dikehendaki untuk projek pembangunan sahaja. Pada akhir tahun ini Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara yang Kelima akan diadakan dan Kementerian saya akan mengemukakan pula satu kadar catatan tebanan tahunan bagi tiap-tiap negeri untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Jadi ini membuktikan betapa Kerajaan kita sentiasa waspada dan menyedari tanggungjawabnya terhadap keadaan hutan kita yang semakin hari, semakin kurang akibat dari aktiviti pembalakan yang berterusan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh tentang 'North-South Dialogue' dan bahawa mereka ini tidak memberi hasil kepada negara-negara yang membangun.

Ingin saya menjelaskan, Tuan Pengerusi, bahawa langkah-langkah sedang dan akan diteruskan bagi mencari pasaran baru sebagaimana saya jelaskan tadi terhadap bahan-bahan utama bilamana kiranya kita tidak mendapatkan kerjasama daripada negara-negara yang maju ini. Memanglah saya bersetuju bahawa kita hanya tidak seharusnya menumpukan perhatian kita kepada pasaran-pasaran di negara-negara maju yang sebenarnya dan baru-baru ini tidak memberi perhatian yang serius terhadap bahan-bahan yang dikeluarkan oleh kita dan tidak juga memberi kerjasama yang sepatutnya kita harapkan daripada mereka dan sememangnya lah Kementerian saya juga mengambil perhatian yang serius terhadap ini dan mencari jalan untuk menentukan supaya pasaran-pasaran bagi bahan-bahan utama kita akan dapat diwujudkan di negara-negara yang bukan negara-negara maju sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh tentang perlunya kita menubuhkan Contingency Stock bagi membantu kita untuk menstabilkan harga getah di negara kita ini. Tuan Pengerusi, ingin saya menjelaskan bahawa penubuhan Contingency Stock mempunyai masalah praktikal untuk dilaksanakan terutamanya

didapati ramai pekebun-pekebun kecil lebih kurang 500,000 orang yang berselerak di merata-rata kawasan terpencil. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui MARDEC dan RISDA telah pun membeli getah terus dari pekebun-pekebun kecil bagi menyediakan saluran pasaran getah mereka pada harga yang berpatutan. Di samping itu dengan terjalannya Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang selalu disebut-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga saya sendiri di Dewan yang mulia ini, kita harap harga getah akan tidak turun daripada paras yang ada sekarang dan diharapkan akan terus naik di masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mencadangkan supaya galakan diberi kepada pekebun-pekebun kecil untuk menanam tanaman selingan seperti cash crops dan membantu pemasaran melalui agensi-agensi Kerajaan. Kementerian Perusahaan Utama memang sentiasa menggalakkan pekebun-pekebun kecil supaya menanam tanaman selingan dan Institut Penyelidikan Getah telah dan sedang menjalankan penyelidikan supaya tanaman-tanaman selingan yang sesuai boleh ditanam oleh pekebun-pekebun kecil dengan mendapat hasil yang baik. Beberapa jenis tanaman selingan seperti pisang, jagung, kacang tanah, kacang soya, cili, tebu dan lain-lain sudah pun ditanam oleh pekebun-pekebun kecil di beberapa tempat di negara kita ini. Pihak IPGM dan RISDA sentiasa bekerjasama untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil menanam cash crops dan bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan lain membantu untuk mendapatkan pemasaran yang baik untuk cash crops ini.

Di samping penyelidikan-penyelidikan tanaman selingan, IPGM juga menjalankan penyelidikan untuk pekebun-pekebun kecil menternak ayam dan kambing biri-biri bagi menambah pendapatan mereka. Sukacita dinyatakan di sini bahawa penyelidikan berkaitan pemeliharaan kambing biri-biri ini telah selesai dan pekebun-pekebun kecil telah menternak kambing biri-biri di kebun-kebun mereka. Binatang ternakan ini di samping menambahkan pendapatan mereka, juga membantu membersihkan kebun dari rumput-rumpai dan mengurangkan perbelanjaan membeli racun rumput-rumpai di kebun-kebun getah mereka.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah menyentuh tentang kawasan-kawasan untuk Kompleks Perakayan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiap-tiap Kompleks Perakayan telah diberikan catuan tahunan iaitu berdasarkan kepada beberapa ekar yang boleh ditebang dan Kompleks-kompleks berkenaan ini hendaklah menjalankan Rawatan Silviculture (Silvicultural Treatment) ke atas kawasan-kawasan yang telah dibalok yang terletak di dalam hutan simpan kekal iaitu yang digazetkan sebagai hutan yang disimpan oleh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga menyentuh tentang kakitangan yang begitu kecil di dalam Jabatan Hutan terutama sekali Jabatan Hutan Negeri. Suka saya jelaskan di sini bahawa memanglah menjadi hasrat Kementerian dan mana-mana Jabatan termasuk juga Jabatan Hutan di bawah Kementerian saya untuk menentukan supaya pegawai-pegawai yang ada di dalamnya mencukupi, dan tidak ada Jabatan pun yang inginkan kekurangan pegawai-pegawai dalam Jabatannya. Jadi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa perkara yang telah dibangkitkan itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, saya rasa apa-apa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang kemudian daripada mereka yang telah saya sentuhkan ucapan mereka tadi dan telah saya jelaskan, sebenarnya mempunyai persamaan dengan apa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya ulaskan mengenai apa yang telah mereka bantangkan ataupun lafazkan dalam ucapan-ucapan mereka. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang mereka telah bangkitkan itu yang tidak dapat saya ulaskan dan beri jawapan pada hari ini, akan saya ambil perhatian dan silalah berhubung dengan Kementerian saya ataupun saya sendiri untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah wang sejumlah \$127,405,400 untuk Kepala Bekalan B. 24 menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$127,405,400 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Soalnya juga ialah diluluskan wang perbelanjaan sebanyak \$76,908,434 di bawah Kepala Pembangunan P. 24 Anggaran Pembangunan tahun 1982.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$76,908,434 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1982.

*Maksud B. 25 (Jadual)—*

*Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1982)—*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang Majlis menimangkan Kepala B. 25 dan Kepala Pembangunan P. 25 di bawah Kementerian Pertanian dan perbahasan akan dimulakan pada hari esok; dimulakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 18hb November, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*